**Sumbangan Program Emas sebab KN bersih** MS 5



**Projek 'terowong' tidak batal** MS 14



PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

1 – 15 JULAI, 2016

# "Saya lebih rela mati berdiri daripada hidup melutut" - Guan Eng

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, beliau tidak akan tunduk pada pendakwaan terpilih yang diketuai oleh Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali serta membabitkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Beliau berkata demikian selepas sesi pertuduhan dua kes di Mahkamah Tinggi 3, iaitu berhubung pembelian rumah RM2.8 juta di Jalan Pinhorn serta perlingkungan semula daripada Zon Pertanian kepada Zon Perumahan Am yang dikaitkan dengan seorang orang kena tuduh (OKT) lain, Phang Li Koon.

**"Saya tidak akan tunduk pada permainan politik kotor dan ganas ini untuk memusnahkan reputasi saya dan imej Pulau Pinang sebagai negeri paling bersih dan paling baik urus tadbirnya di Malaysia.**

**"BN (Barisan Nasional) boleh dakwa saya, tetapi tidak akan dapat membunuh iltizam saya demi membebaskan negara saya daripada rasuah.**

**"Saya lebih rela mati berdiri daripada hidup melutut,"** tegasnya yang juga Setiausaha Agung DAP pada sidang media bertarikh 30 Jun lalu di sini.

Pada 30 Jun lalu, Guan Eng dituduh di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama serta Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574).

Seksyen 23 Akta SPRM akan membawa hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan, atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574) membawa hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau denda, atau kedua-duanya sekali.

Di kamar perbicaraan sama, Li Koon dituduh bersubahat di bawah Seksyen 109 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang dibaca bersama Seksyen 163 kanun sama, membawa hukuman penjara maksimum setahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Seksyen 109 Kanun Keseksaan pula membawa hukuman penjara maksimum lima tahun atau dengan denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Guan Eng dibebaskan dengan ikat jamin RM1 juta dengan seorang penjamin.

Selain itu, Guan Eng turut dikenakan syarat tambahan iaitu wajib memaklumkan kepada Pendakwaraya dan Mahkamah dua hari sebelum beliau ke luar negara.



**KETUA Menteri mendapat sokongan padu barisan kepimpinan dan rakyat selepas dibebaskan melalui ikat jamin RM1 juta dengan seorang penjamin oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 30 Jun lalu.**

Manakala, Li Koon dibenarkan ikat jamin RM200,000 dengan seorang penjamin, tanpa syarat tambahan.

Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Azmi Ariffin menetapkan pagi 22 September ini sebagai sesi pengurusan kes susulan daripada permintaan barisan pembelaan bagi Guan Eng dan Li Koon untuk satu penangguhan kepada permohonan Peguam Negara bagi perbicaraan bersama

Peguam Negara memohon kes Guan Eng dan Li Koon untuk dibicarakan bersama.

Namun, Gobind Singh Deo yang mewakili Guan Eng dan Datuk K. Kumarendran yang mewakili Li Koon memohon supaya kedua-dua kes ditetapkan untuk pengurusan kes pada 22 September 2016 bagi memberi peluang kepada peguam-peguam pembelaan meneliti permohonan oleh Peguam Negara.

Selain Gobind, pasukan pembelaan bagi pihak Guan Eng dianggotai R.S.N. Rayer yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Ramkarpal Singh yang juga Ahli Parlimen Bukit Gelugor, E. Subramaniam, M. Kulasegaran dan M. Manoharan.

Pasukan pembelaan bagi pihak Li Koon pula diketuai Kumarendran serta dianggotai Raj Shankar dan Dev Kumarendran dan Chetan Jethawani.

*Rujuk muka surat 15.*

## Exco sebulat suara buat keputusan KM tidak perlu letak jawatan dan cuti - TKMI

**GEORGE TOWN –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon mengumumkan bahawa Mesyuarat Exco pada 4 Julai lalu sebulat suara membuat keputusan bahawa Y.A.B. Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng tidak perlu meletakkan jawatan ataupun bercuti)

"Saya sendiri telah mencadangkan perkara ini dan disokong oleh Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

"Kami mempunyai kepercayaan yang penuh terhadap kepimpinan Y.A.B. Ketua Menteri untuk memimpin barisan Exco dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang," katanya pada majlis sidang media di sini.

Dalam pada itu, Ramasamy ketika mengulas pengumuman tersebut menyatakan bahawa kedua-dua tuduhan terhadap Ketua Menteri adalah bermotifkan politik.

"Kami percaya bahawa beliau (Guan Eng) adalah tidak bersalah dan beliau (Guan Eng) tidak perlu meletak jawatan," ujar beliau.

# Orang cacat penglihatan juga mampu baca al-Quran dengan baik - Amzar Haziq



DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan cek penghargaan kepada Amzar Haziq Md. Fauzi (berbaju hijau) sambil ditemani Abdul Malik Abul Kassim (berbaju kuning) dan Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (empat dari kanan) pada Majlis Sambutan Nuzul al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



NUR Zulaikha Mahri dicium neneknya.

**BERTAM** – Meskipun tidak boleh melihat, ia bukanlah halangan untuk Amzar Haziq Md. Fauzi, 12, mewakili negeri Pulau Pinang dalam Pertandingan Tilawah Al-Quran Braille Peringkat Kebangsaan baru-baru ini.

Bukan sahaja menyertai pertandingan tersebut, malah Amzar Haziq turut meraih gelaran juara dalam kategori bawah 13 tahun sekaligus melayakkannya membawa pulang wang tunai RM1,000, trofi, hamper, naskah al-Quran dan bahan bacaan.

Ketika ditemui, Amzar Haziq berkongsi keinginannya menyertai pertandingan tilawah al-Quran ke peringkat yang lebih tinggi.

“Kalau boleh hendak bertanding di peringkat antarabangsa pula.

“Saya sangat gembira kerana pertandingan tersebut memberi pendedahan kepada masyarakat umum bahawa orang cacat penglihatan juga mampu dan boleh membaca al-Quran dengan baik.

“Saya cuma harap, lebih banyak pertandingan seumpamanya diadakan dan harap ia berterusan,” katanya yang merupakan pelajar di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Alma, Bukit Mertajam.

Menurut Amzar Haziq, beliau mula didedahkan dengan bacaan al-Quran secara Braille sejak berusia enam tahun.

Malah, selain keluarga, guru-guru turut banyak memberi dorongan untuk meneruskan hasrat menjadi qari suatu hari nanti.

Amzar Haziq antara tiga kanak-kanak istimewa yang diraikan dalam Majlis Sambutan Nuzul al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 di Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) baru-baru ini.

Selain Amzar Haziq, turut menerima penghargaan ialah Nur Zulaikha Mahri, 14, dan Adam Hussaini Mohammad Rosli, 11, yang juga menyertai pertandingan tersebut baru-baru ini.

Sumbangan penghargaan disempurnakan oleh Yang Di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Darus hadir sama pada majlis tersebut.

Turut serta, Timbalan Speaker, Dato' Maktar Shapee, Mufti Negeri Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor, Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, Datuk Abdul Walid Abu Hassan dan Yang diPertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man.

Dalam majlis sama, Abdul Rahman turut menyampaikan sumbangan penghargaan kepada peserta Tahfiz Muda Astro 2016 iaitu Muhammad Amiruddin Mohd. Basir yang mendapat tempat keempat dalam pertandingan tersebut, Nur Iman Kamala Norhisyam (tempat ke-enam) dan Muhammad Aminuddin Mohd. Basir (peserta akhir).

Majlis diserikan dengan penampilan istimewa peserta rancangan realiti televisyen Pencetus Ummah (PU), Taha Mohd. Omar atau lebih dikenali sebagai PU Taha.

## Harap tiada lagi kenyataan tohmahan dilempar tanpa usul periksa - Rashid

**BERTAM** – Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon menyelar tindakan sesetengah pihak yang sewenang-wenangnya melemparkan pelbagai tohmahan dan fitnah melampau terhadap pembangunan dan perkembangan aktiviti Islam di negeri ini.

Beliau yang ditemui pada Majlis Sambutan Nuzul al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 di Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) baru-baru ini berkata, kebanyakan tohmahan dan fitnah melampau yang dilemparkan adalah tidak berasas.

**“Kebanyakannya 'orang luar', orang yang tinggal di luar Pulau Pinang dan tidak mempunyai pengetahuan tentang negeri ini.**

**“Saya amat kesal dengan kenyataan seperti ini yang dilontarkan tanpa usul periksa oleh mereka yang tidak bertanggungjawab, walhal, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan tidak pernah meminggirkan pembangunan Islam, sebaliknya banyak mengangkat syiar Islam di Pulau Pinang**,” katanya pada majlis berkaitan di sini.

Menurut Mohd. Rashid, kenyataan bersifat tohmahan dan fitnah sedemikian amat merbahaya dan mampu menggugat ketenteraman awam sekaligus menimbulkan perpecahan dan kacau bilau dalam kalangan masyarakat majmuk di negeri ini.

“Saya harap tiada lagi kenyataan bersifat tohmahan dilemparkan tanpa usul periksa, apatah lagi dalam bulan Ramadan yang mulia ini,” ujar beliau.

## Edar 2,814 mymat percuma di Seberang Jaya projek perintis KN



KAKITANGAN Jabatan Kesihatan Negeri memberikan penjelasan lanjut kepada komuniti setempat berhubung penggunaan mymat pada program edarannya di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA** – Sebanyak 2,814 unit perangkap nyamuk dan serangga dikenali mymat diedar oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin kepada komuniti setempat sekitar Gerbang Tuna, Lorong Tuna dan Rumah Pangsa Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan berkata, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM188,000 untuk menyediakan 4,700 unit mymat secara percuma di tiga kawasan terpilih yang pernah diklasifikasikan sebagai lokaliti wabak sebelum ini.

Selain Seberang Jaya, jelasnya, dua lokaliti projek perintis mymat lain adalah di Flat Seri Delima dekat Sungai Ara dan Taman Seri Damai dekat Batu Lanchang.

"Ini projek perintis Kerajaan Negeri dengan Jabatan Kesihatan Negeri...projek perintis ini selama enam bulan mulai Jun.

"Kerajaan Negeri edar secara percuma dan jika projek ini berjaya, Kerajaan Negeri akan perluaskan kegunaan mymat ini di seluruh negeri," ujarnya kepada pemberita di Pusat Khidmat JKKK Jalan Tenggiri di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Penolong Pengarah (Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Muhamad Fariz Othman, Abdul Jalil Che Ros (Pegawai Khas ADUN Seberang Jaya) dan Mohamad Khadari Mat Salleh (Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti, JKKK Jalan Tenggiri).

Sebelum itu, Ahli Kaji Serangga dari Pejabat Entomologi Pulau Pinang, Che Mohaiddin Ngesom menyampaikan penerangan mengenai penggunaan mymat serta kaedah mencegah penularan wabak Aedes dan virus zika.

Pada majlis sama, Afif turut menyampaikan 'hamper Ramadan' kepada lebih 150 penerima terpilih, sumbangan JKKK Jalan Tenggiri dan Zakat Pulau Pinang (ZPP).

# Sumbang 10 penyembur, bersama JKNPP hapus aedes




KETUA Menteri menyerahkan mesin penyembur kabus serta cek replika kepada Dr. Noorlia Yahaya (lima dari kanan) sambil diperhatikan Dr. Afif Bahardin (tiga dari kanan) pada majlis penyerahan berkaitan di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini mengumumkan sumbangan 10 mesin penyembur kabus kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), yang bernilai RM58,300.**

**"Sumbangan Kerajaan Negeri ini bertujuan untuk menambah kadar utiliti di Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Utara (SPU) yang masing-masing mengalami kekurangan mesin penyembur kabus.**

**"Saya berharap agar dengan sumbangan ini, kita dapat sama-sama berganding tangan dan bersatu hati dalam menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes, seterusnya membanteras penyakit demam denggi**," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada sidang media di sini.

Pada majlis berkaitan, Guan Eng menyerahkan mesin penghembus kabus serta cek replika berjumlah RM58,300 kepada Timbalan Pengarah JKNPP, Dr. Noorlia Yahaya.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Perumahan, Dr. Afif Bahardin, Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) serta Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti) turut menyaksikan majlis penyampaian sumbangan itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng turut menggesa semua Skuad Komunikasi Untuk Perubahan Tingkahlaku (COMBI) yang ditubuhkan di lokaliti-lokaliti pernah dilanda wabak denggi supaya mengaktifkan fungsi pergerakan sukarelawan tersebut.

"Sekurang-kurangnnya, selaku individu, usaha memeriksa persekitaran kediaman selama 10 minit seminggu sekali adalah perlu untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk.

"Penglibatan wakil-wakil masyarakat setempat amat penting bagi memastikan COMBI bergerak aktif dan berupaya mencapai matlamat untuk mencegah denggi.

"Belasah aedes, elak (virus) zika dan denggi," tegas beliau.

## Dijenamakan semula, peranan dan fungsi Tabung 80:20 diperluas - Exco

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri pada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) baru-baru ini meluluskan cadangan untuk memperluaskan skop kegunaan dana Tabung Penyelenggaraan 80:20 Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Tabung 80:20) kepada taman-taman perumahan yang harga unitnya melebihi RM72,500

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, perkara tersebut dipertimbang dan diputuskan MMK ekoran permintaan daripada beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berhubung perkara berkaitan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-baru ini.

**"Selaras dengan permintaan tersebut, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan agar kelayakan dana Tabung 80:20 diperluaskan manfaatnya kepada perumahan yang berharga di antara RM100,000 hingga RM150,000.**

**"Selain kategori sedia ada iaitu Rumah Mmapu Milik (RMM) 'A' iaitu kos rendah tidak melebihi RM42,000 dan RMM 'B' (kos sederhana rendah tidak melebihi RM72,500), kini perumahan di bawah RM150,000 turut layak mengemukakan permohonan.**

**"Bagi kategori unit berharga RM100,000 dan ke bawah, nisbah pengagihan dana yang akan disalurkan melalui tabung ini dikekalkan pada kadar 80:20.**

**"Manakala, bagi unit perumahan di antara RM100,000 hingga RM150,000, pengagihan dana adalah pada nisbah 60:40,"** jelasnya yang juga ADUN Datuk Keramat sebelum meninjau kerja-kerja penyelenggaraan dua lif Flat Jalan kedah di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir merangkap ADUN Padang Kota, Chow Kon Yeow.

Tambah Jagdeep, **skop kerja penyelenggaraan tabung tersebut turut diperluas membabitkan kerja-kerja mengecat, penurapan jalan, pembaikan serta penukaran lampu-lampu koridor dan railing tangga.**

**"Namun, untuk kerja-kerja pengecatan dan penurapan jalan, nisbah pengagihan dana ini adalah 20:80 untuk kedua-dua kategori perumahan yang layak memohon,**" ujarnya.

Tambah Jagdeep, Kerajaan Negeri turut menjenamakan semula Tabung 80:20 kepada Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang atau lebih dikenali sebagai TPM80PP.

Tabung 80:20 telah diperkenalkan pada tahun 2013 yang mana kos 80 peratus dibayai oleh Kerajaan Negeri dan baki 20 peratus oleh penduduk.

Sejumlah RM11.5 juta telah diperuntukan oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan penyelenggaraan melibatkan kerja-kerja kritikal seperti pembaikan dan naik taraf lif, tangki air, sistem perpaipan dan bumbung.

Semenjak diperkenalkan, sebanyak RM7.1 juta telah dibelanjakan untuk 53 projek kerja-kerja penyelenggaraan membabitkan RMM 'A' dan RMM 'B'.

Dalam pada itu, Kon Yeow memberitahu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM64,140.86 (80 peratus) daripada Tabung 80:20 untuk kerja-kerja penyelenggaraan dua lif di Flat Jalan Kedah di sini.

"Baki sebanyak 20 peratus iaitu RM16,035.21 dibiayai oleh Perbadanan Pengurusan (MC) di sini," katanya.

## Tambah insentif kewangan untuk pelajar cemerlang adalah pelaburan KN - KM

**PADANG LALANG –** Kerajaan Negeri berhajar pertambahan kadar pemberian insentif kewangan kepada semua pelajar cemerlang Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2015 akan membakar semangat para pelajar lain di negeri ini untuk memburu kecemerlangan dalam akademik.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, setiap pelajar cemerlang STPM dan SPM pada tahun ini masing-masing menerima RM800 dan RM350, berbanding RM600 dan RM250 sahaja pada tahun lalu.

"Semoga kejayaan ini akan menjadi pencetus semangat dan memberi inspirasi kepada rakan-rakan agar terus berusaha memperbaiki diri, demi kebaikan dan kecemerlangan bersama," katanya ketika menyampaikan ucapan perasmian Majlis Anugerah Pelajar Cemerlangan STPM (Ulangan 3) dan SPM Tahun 2015 Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.

Seramai 10 pelajar STPM yang mendapat Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 4.0 menerima pemberian insentif kewangan, sijil dan trofi.

Turut menerima insentif kewangan, sijil dan trofi adalah 255 pelajar cemerlang SPM yang berjaya mendapat sekurang-kurangnya 7A+ dalam peperiksaan nasional tersebut.

Daripada kalangan mereka, Guan Eng turut memuji 22 pelajar terbaik SPM yang mendapat gred A+ dalam semua mata pelajaran, serta tiga pelajar terbaik Kategori Pelajar Istimewa.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam turut menyampaikan anugerah sijil dan trofi kepada tiga sekolah yang memperoleh keputusan keseluruhan terbaik untuk SPM.

Sementara itu, pelajar SMJK Heng Ee, **LEE CHIA Qi,** 20, yang ditemui kemudian berkata, beliau tiada sebarang resepi kejayaan, cuma menumpukan sepenuh perhatian semasa belajar di sekolah sahaja.

"Saya tidak pernah berputus asa untuk dapatkan yang terbaik bagi kedua ibu bapa saya, sebab itu saya masuk tingkatan enam, dan ianya membuahkan hasil," katanya yang bercita-cita menjadi seorang akauntan kepada Buletin Mutiara.



**MUHAMMAD Amirul Mohd. Azley.**

Turut berkongsi pengalaman belajar sama, **MUHAMMAD AMIRUL MOHD. AZLEY,** iaitu pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kepala Batas yang memperoleh keputusan 11A+ dalam SPM.

# Jln. berkembar Paya Terubong, bukti KN tunai janji

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PAYA TERUBONG –** Projek pembinaan dan menaiktaraf jalan berkembar Jalan Paya Terubong dari Lebuhraya Thean Teik ke Lebuh Bukit Jambul bernilai RM275.6 juta bakal menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan.

Selain itu, projek berkaitan juga bakal memberi manfaat dan keselesaan kepada lebih 60,000 penduduk di kawasan sekitar.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek yang telah bermula pada 14 Januari 2016 itu dijangka siap pada 13 Januari 2019.

Menurutnya, projek menghubungkan keseluruhan jalan berkembar sejauh lima kilometer (km) itu merangkumi pembinaan jalan baharu sejauh 3.75km dari Lebuhraya Thean Teik ke Lebuh Bukit Jambul dan 1.25km Jalan Bukit Kukus sedia ada bakal dinaiktaraf.

**"Permohonan Kerajaan Negeri (untuk projek berkaitan) melalui Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dan rancangan-rancangan pembangunan sebelumnya tidak diluluskan oleh Kerajaan Pusat sungguhpun ia melibatkan jalan persekutuan.**

**"Malah, desakan Kerajaan Negeri melalui surat juga tidak mendapat sebarang maklum balas daripada Kerajaan Pusat.**

**"Oleh demikian, Kerajaan Negeri terpaksa bertindak sendiri untuk menyelesaikan masalah lalu lintas yang dihadapi oleh pengguna jalan raya di Jalan Paya Terubong dengan meminta pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengambil tanggungjawab melantik kontraktor secara tender terbuka bagi membina jalan alternatif berkenaan,"** katanya pada sidang media selepas hadir meninjau kawasan projek berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan Ir. Ang Aing Thye (Setiausaha Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) yang mewakili Datuk Bandar MBPP serta beberapa Ahli Majlis MBPP.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menzahirkan rasa teruja apabila kemajuan projek berkaitan telah mencapai 7.2 peratus berbanding jadual projek, 6.2 peratus atau lebih kurang 10 hari awal dari yang dijadualkan.

"Apatah lagi, **projek berkenaan juga merupakan salah satu janji Kerajaan Negeri pada Pilihanraya Kecil (PRK) Bukit Gelugor lalu (2014), kini sedang diusahakan sendiri oleh Kerajaan Negeri**," katanya.

Projek jalan berkembar Jalan Paya Terubong merangkumi kerja-kerja pelebaran dan menaik taraf persimpangan Jalan Bukit Kukus/ Lebuhraya Thean Tiek, pelebaran sebahagian Jalan Bukit Kukus sedia ada, pembinaan jalan baru yang menyambung Jalan Bukit Kukus ke Lebuh Bukit Jambul dan pembinaan persimpangan jejambat dari Jalan Paya Terubong ke Jalan Tun Sardon sedia ada.

Selain itu, satu struktur pusingan 'U' bertingkat dan bulatan di Lebuh Bukit Jambul serta lorong basikal turut disediakan di laluan tersebut.



**RAKAMAN gambar-gambar MBPP berhubung kerja-kerja yang sedang dijalankan bagi projek Jalan Berkembar Paya Terubong di sini baru-baru ini.**

## Sumbangan Aidilfitri sebagai penghargaan pasukan keselamatan negeri

**TERIMA KASIH ATAS INGATAN...** Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Abdul Ghafar Rajab yang hadir menerima sumbangan 'duit raya' khas kepada pasukan keselamatan sempena sambutan Aidilfitri mengucapkan terima kasih di atas keperihatinan Kerajaan Negeri.

"Pihak polis sudah tentunya gembira dan mengucapkan terima kasih kerana mengambil berat terhadap kami (PDRM) sebagaimana tahun-tahun lepas.

"Bagi tahun ini, cuti anggota trafik turut dibekukan dan kami (PDRM) juga telah mengatur strategi bagi menjaga keselamatan serta lalulintas di bahagian pulau dan Seberang Perai negeri Pulau Pinang," katanya pada majlis berkaitan.

Menyempurnakan majlis penyerahan sumbangan yang masing-masing berjumlah RM10,000 kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sambil diiringi barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.



**ABDUL Ghafar Rajab.**



**MOHD. Yusoff Nor.**

Dalam pada itu, Leftenan Kolonel Mohd. Yusoff Nor (Ketua Staf Markas 6 Briged) yang mewakili ATM turut melahirkan rasa syukur di atas sumbangan berkaitan.

"Sumbangan ini disumbangkan setiap tahun oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan merupakan suatu sumbangan yang membantu pihak tentera 'meraikan' lagi Aidilfitri dan juga mengenang jasa-jasa anggota ATM yang bertugas di sini.

"Saya mewakili pasukan ATM mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang terutamanya Ketua Menteri," ujar beliau.

## Cukai pintu 2016: MBPP diminta semak semula, bayar balik bayaran

**PAYA TERUBONG –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng meminta Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyemak semula status pembayaran cukai pintu bagi tahun 2016 melibatkan penghuni rumah kos rendah (RKR) dan kos sederhana rendah (KSR).

Guan Eng berkata demikian ketika hadir merasmikan Projek Pengasingan Sisa Di Punca dekat kawasan perumahan kos rendah Sun Moon City, Paya Terubong di sini 12 Jun lalu.

Ujar beliau, **penghuni RKR dan KSR tidak perlu membayar cukai pintu bagi tahun 2016 sebagaimana diumum dalam pembentangan Bajet Negeri 2016 sebelum ini.**

**"Saya sudah umumkan bahawa penghuni di kawasan perumahan kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) tidak perlu lagi membayar cukai pintu tahun ini (2016).**

**"Sesiapa yang telahpun membuat pembayaran, saya akan meminta MBPP menyemak semula status masing-masing (pembayar cukai) dan pulangkan wang mereka bagi tahun ini**," ujarnya setelah menerima respons daripada penduduk bahawa cukai pintu bagi tahun 2016 sudahpun dibayar.

Dalam pada itu, Guan Eng turut meminta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin dan Ahli-ahli Majlis MBPP untuk membantu penduduk berhubung perkara berkaitan.

Sementara itu, ketika ditemui, Ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang memberitahu, notis bayaran bil cukai pintu bagi tahun 2016 mula dikeluarkan sejak penghujung Oktober 2015.

Walau bagaimanapun, jelas beliau, pengumuman berhubung pengecualian cukai pintu bagi tahun 2016 hanya dimaklumkan setelah pembentangan bajet pada 6 November 2015.

"Oleh itu, bagi pemilik unit yang terlibat, mereka diminta untuk mengabaikan notis bil yang diterima sebelum ini.

"Manakala, bagi mereka yang sudah membuat bayaran, boleh menuntut bayaran balik cukai di pejabat MBPP, Tingkat 12, Komtar.

"Pembayaran balik akan dibuat melalui pindahan dana elektronik (*electronic fund transfer*, EFT)," jelasnya.

Bagi mereka yang ingin menuntut bayaran balik bayaran berkaitan, Soon Siang menasihati agar membawa bersama-sama resit bayaran yang telah dijelaskan sebagai bukti dan mengisi borang bayaran balik cukai secara EFT.

Maklumat lanjut, sila hubungi Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBPP di talian 04 - 259 2020.

# Sumbangan Program Emas sebab KN bersih & ada lebihan wang - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri sehingga kini mampu menyumbang RM184 juta untuk pelbagai 'Program Emas' ekoran tadbir urus kewangan yang bersih serta mempunyai lebihan kewangan (surplas) saban tahun.

**Mengulas lanjut, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, itu termasuk sumbangan tunai RM1,000 kepada 72 penerima berwajib yang menjaga orang kurang upaya (OKU) dengan penuh kasih sayang dan sabar sehingga akhir hayat anggota keluarga berkenaan.**

**"(Sumbangan RM1,000 kepada waris OKU meninggal dunia) ini adalah satu lagi kesinambungan program-program kebajikan yang kita (Kerajaan Negeri) beri sebagai tanda penghargaan kepada rakyat yang melakukan kebajikan dengan penuh sabar dan kasih sayang kepada OKU hingga hujung hayat.**

**"Sejak dahulu lagi telah saya kata, tetapi ada pihak mempertikaikannya..., (iaitu) dengan hanya melaksanakan pentadbiran secara integriti dan bersih sahaja, kita (Kerajaan Negeri) pada hari ini berjaya menyumbang RM184 juta (RM184,314,000) untuk pelbagai 'program emas' sejak tahun 2009**," ujar Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam menyampaikan ucapan itu dalam Majlis Pelancaran Aplikasi 'AppSejahtera' & Sumbangan RM1,000 Kepada Waris OKU Baru Meninggal Dunia di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga ADUN Sungai Puyu.

Hadir sama, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng, Pegawai Khas Kepada Ketua Menteri, Abdul Wahab Long, Pengarah Jabatan Kebajikan dan Masyarakat (JKM), Said Sidup serta Pengurus Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Nuriannahar Mohamed.

**Direkodkan, sejumlah RM92,603,400 telah disumbangkan kepada 926,034 penerima di bawah Program Penghargaan Warga Emas, diikuti, Program Ibu Tunggal (RM5,487,100 untuk 54,871 penerima), Program Skim Pelajar Emas (RM18,848,800 untuk 188,488 penerima), Program Anak Emas (RM11,680,400 untuk 58,402 penerima), Program Ibu Emas (RM9,002,300 kepada 90,023 penerima), Program Bantuan OKU (RM18,896,600 kepada 188,966 penerima), Bantuan Pemandu Teksi (RM4,857,900 kepada 16,193 penerima), Bantuan Pengayuh Beca (RM624,000 kepada 120 penerima), Bantuan Pukat Nelayan (RM2,421,679 kepada 3,121 penerima) dan Program Agenda Ekonomi Saksama atau AES (RM19,891,821 kepada 1,235 penerima).**

Phee Boon Poh dalam ucapannya memberitahu, AppSejahtera yang dilancarkan membolehkan semua pihak membuat pendaftaran atas talian untuk semua program kebajikan di bawah i-Sejahtera, serta menyemak status permohonan, serta pelbagai rekod statistik berwajib lain, dengan melalui telefon pintar masing-masing.

"Seluruh penduduk Pulau Pinang boleh memuat turun aplikasi ini di *playstore* bagi pengguna (telefon pintar jenis) android dan *istore* bagi pengguna IOS, di mana-mana sahaja secara telus dan integriti, dengan syarat ada (data) internet atau wifi," jelasnya sambil memberitahu bahawa 'AppSejahtera' merupakan aplikasi mudah alih yang diinovasikan dari versi web *http://isejahtera.penang.gov.my*

## Mufti syor laksana 'Wakaf Tunai' demi tambah tanah, hartanah umat Islam P. Pinang

**GEORGE TOWN** – Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor mensyor pelaksanaan ibadah 'wakaf tunai' demi menambahkan jumlah tanah serta hartanah umat Islam di negeri ini.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-215 Masjid Kapitan Keling di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota serta ADUN Komtar, Teh Lai Heng turut sertai majlis sambutan tersebut di dalam dewan solat utama masjid berkaitan.

"Masjid Kapitan Keling yang didirikan pada tahun 1801 ini adalah simbol pengorbanan dermawan daripada kalangan India Muslim terdahulu untuk manfaat umat Islam sehingga hari ini.

"Tanpa pengorbanan seperti Cauder Mohuddeen (Merican) serta banyak lagi tokoh India Muslim yang mewakafkan harta dan aset mereka di jalan Allah, mungkin tiada Masjid Kapitan Keling dengan nilai warisan yang tidak ternilai di tengah-tengah bandar raya George Town, yang masih boleh kita lihat sehingga hari ini.

"Walaupun banyak tanah wakaf di Pulau Pinang, sebenarnya amat sukar dibangunkan kerana dokumentasi tak lengkap, ada lafaz pewakaf tanpa surat hitam putih serta ada beberapa tanah wakaf yang dituntut oleh waris, yang semua ini mesti diselesaikan secara pentadbiran dan perundangan.

"Untuk mendapatkan tanah seperti tanah Masjid Kapitan Keling mungkin amat sukar sekarang, maka saya mencadangkan 'wakaf tunai' kerana ia lebih praktikal dan realistik untuk dilaksanakan demi mengekalkan kepentingan serta menambah jumlah tanah serta hartanah umat Islam di negeri ini.

"(Wakaf tunai) ini masih peringkat cadangan dan selepas ini insya-Allah kita (Jabatan Mufti Pulau Pinang) akan melancarkan jelajah bagi memahamkan umat Islam mengenai betapa penting ibadah 'wakaf tunai' ini.

"Kita (Jabatan Mufti Pulau Pinang) akan tengok mana-mana tanah milik peribadi umat Islam terdahulu, kita akan cuba dapatkan balik dan itu bukan mustahil untuk dilaksanakan.

"Kaedahnya adalah kita (Jabatan Mufti Pulau Pinang) akan mengenal pasti mana-mana tanah atau aset umat Islam tertentu dengan nilai harga pasaran yang jelas serta terma-terma yang jelas, kita akan lancar wakaf tunai ini supaya tanah dan hartanah ini kekal bertambah manfaatnya kepada umat Islam secara umum," ujarnya di depan hampir 300 pemimpin, penggerak pertubuhan dakwah serta tetamu-tetamu di sini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid Kapitan Keling, Meera Mydin Mastan turut berucap pada majlis itu.

Hadir sama, Pengasas Islamic Propagation Society International (IPSI) Malaysia Penang, Brother Kamaruddin Abdullah, Shamsul Hameed (Timbalan Pengerusi Liga Muslim Pulau Pinang), Datuk Mohamed Rabi Peer Mohd. (wakil Pertubuhan Al-Imam) serta beberapa wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain.

Sebelum itu, Wan Salim bersama-sama Imam Kedua Masjid Kapitan Keling, Ustaz Abdul Latif Yusof memimpin Majlis Tadarus Al-Quran serta zikir, sebelum acara jamuan berbuka puasa.

Pada majlis sama, Mufti diiringi Meera Mydin turut menyampaikan sumbangan penghargaan kepada beberapa bekas Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid Kapitan Keling atau waris tokoh berkenaan, yang dilihat gigih dalam memakmurkan Masjid Kapitan Keling sejak didirikan pada tahun 1801 Masihi.

Mereka, Imam Utama Masjid Kapitan Keling yang juga Ahli Hadith, Datuk Sheikh Abdullah Bukhari Alim, Ustaz Abdul Latif Yusof, waris Allahyarham Ustaz Sheikh Ahmad Baidram, waris Allahyarham Haji K.M. Mohamed Ariff Mohamed Sultan, Tuan Haji Kader Sultan S.K. Meera, Datuk Seri Haji Barkath Ali Abu Backer dan Mohamed Rabi.



**WAN Salim Wan Mohd. Noor (11 dari kanan) menerima cenderamata daripada wakil Jawatankuasa Kariah Masjid Jamek Kapitan Keling sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-215 masjid berkaitan di sini baru-baru ini.**

## *Suara hati penerima:*

**NOORAINI MYDIN**, 51, memberitahu bahawa beliau menjaga Allahyarhamah Badrullisa' Mydin, 61, di kediamannya dekat Balik Pulau selama 10 tahun, sehinggalah kakaknya bersatus OKU jenis polio menghembuskan nafas terakhir pada tanggal 21 September tahun lalu.

"Sebenarnya, menjaga kakak saya ini adalah tanggungjawab adik-beradik, tetapi saya cukup terharu apabila sebuah Kerajaan Negeri boleh terfikir untuk berkongsi kasih sayang atas ujian yang waris-waris OKU lalui dengan penuh sabar ini.

"Saya cukup gembira, pertama sebab puas hati menjaga arwah kakak saya, dan kedua, terima sumbangan perhargaan daripada Kerajaan Negeri, dengan RM1,000 ini bolehlah membantu buat persiapan Hari Raya Aidilfitri," jelas Nooraini sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng.

**LOH POH HONG**, 75, menerima sumbangan berkaitan untuk mendiang anaknya OKU bernama Ng Kok Eng, 57, yang meninggal dunia menjelang sambutan Tahun Baru Cina lepas.

"Cukup terharu lah dengan kerja buat Kerajaan Pulau Pinang untuk rakyat biasa seperti kami," jelas beliau ditemani cucunya, Ng Chee Siang, 26.




**NOORAINI Mydin.**

# Medan Selera Perkampungan Permatang Tinggi siap, peniaga & pengunjung selesa

**MACHANG BUBUK –** Semua 16 penjaja berwajib bakal ditempatkan semula di Medan Selera Perkampungan Permatang Tinggi, selepas lebih 15 tahun menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan terbuka di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berharap, aktiviti perniagaan di sini lebih selamat dan bertambah baik, serta memberi keselesaan kepada pengunjung.

"Lebih kurang satu setengah tahun lalu, beberapa penjaja mendekati Pengerusi JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti), iaitu Encik Boo Jak Seak untuk meminta sebuah pusat penjaja yang berbumbung.

"Ini kerana, ia akan menjadikan perniagaan mereka lebih selamat dan bertambah baik, selain, pelanggan boleh menikmati makanan mereka dalam persekitaran yang lebih selesa," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada Majlis Perasmian Medan Selera Perkampungan Permatang Tinggi di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang merangkap Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng, Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubuk) dan Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) turut sertai majlis perasmian tersebut.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif serta Setiausaha Majlisnya, Sr. Rozali Mohamud.

Selain itu, Guan Eng turut merakamkan penghargaan kepada Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh serta Chee Keong kerana memanjangkan hasrat Jak Seak dan beberapa penjaja terbabit kepadanya.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam turut merakamkan penghargaan kepada Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) selaku tuan tanah kerana menyokong projek infrastruktur tersebut.



RUPA bentuk Medan Selera Perkampungan Permatang Tinggi yang baru siap.

## *CiTi Truck* harap pupuk inovatif generasi muda



KETUA Menteri berjabat tangan dengan wakil syarikat Linde di atas sumbangan 'CiTi Truck' kepada PSC di sini baru-baru ini.

**CSR...** Syarikat pembuatan trak angkat susun dan alatan pengendalian gudang, *Linde Material Handling* (Linde) baru-baru ini menyumbang tiga unit jentera inovatif pengendalian dikenali 'CiTi Truck' bernilai RM20,000 kepada *Penang Science Cluster* (PSC) sebagai sebahagian program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat itu.

Pengarah Eksekutif Serantau Linde, Tee Seng Chuan berkata, sumbangan trak angkat susun (*forklift trucks*) tersebut adalah sebagai menyokong inisiatif PSC dalam memupuk bakat-bakat muda ke arah generasi berinovatif dengan menyediakan peralatan yang bersesuaian.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menerima sumbangan jentera berkenaan berharap sumbangan tersebut dapat membantu memudahkan pelbagai projek serta aktiviti sains dan teknologi yang dirancang oleh PSC pada masa hadapan.

## Pemohon FOI perlu tandatangani SD, maklumat bukan untuk tujuan urusniaga atau komersil - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 (FOI) [Enakmen 16], mana-mana individu yang ingin memohon dokumen rasmi kerajaan yang telah diubah status (*declassified*) perlu menandatangani Surat Akuan atau *Statutory Declaration* (SD).

Perkara tersebut ditegaskan oleh Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dalam satu sidang media di Komtar baru-baru ini.

Ujar beliau, pemohon mesti menandatangani SD supaya maklumat yang diakses tidak digunakan bagi maksud urusniaga (*commercial purpose*).

"Pemohon perlu tahu bahawa perkara-perkara yang dikeluarkan (melalui FOI) boleh menjejaskan syarikat-syarikat yang terlibat dalam projek-projek kerajaan.

"Oleh itu, mana-mana individu yang ingin mendapatkan sebarang maklumat atau dokumen rasmi kerajaan yang telah diubah status boleh berbuat demikian dan menandatangani SD.

"Mereka (pemohon) bebas menggunakan maklumat dokumen bagi tujuan kepentingan awam termasuk sidang akhbar, tetapi bukan bagi maksud urusniaga (*commercial purpose*)," katanya yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa FOI Pulau Pinang pada sidang media di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Ramasamy memberitahu, melalui Mesyuarat Exco yang diadakan pada 21 Jun 2016, ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri telahpun mencapai persetujuan untuk melonggarkan syarat permohonan FOI sebelum ini yang melarang pemohon mendedahkan mana-mana maklumat kepada umum.

"Walau bagaimanapun, pemohon masih perlu menandatangani SD bagi memastikan maklumat yang diperoleh tidak disalahgunakan untuk tujuan urusniaga atau komersil.

"Sekiranya pemohon cuba menggunakan maklumat yang diperoleh bagi tujuan komersil, mereka boleh dikenakan penalti mengikut ketetapan peraturan-peraturan dalam enakmen dan undang-undang subsidiari berkaitan," ujarnya.

Terdahulu, dalam sidang media berasingan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus beliau menyatakan bahawa maklumat di bawah FOI adalah untuk kegunaan pemohon sahaja dan tidak boleh didedahkan kepada pihak ketiga walaupun secara lisan.

# Agih RM10.1 juta PTSR demi bantu niaga usahawan P. Pinang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PANTAI JEREJAK** – **Kerajaan Negeri sehingga kini mengeluarkan peruntukan sejumlah RM10.1 juta melalui program pinjaman mikro kredit yang dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) demi membantu usahawan di Pulau Pinang mengembangkan potensi perniagaan masing-masing.**

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata demikian pada Majlis Penyampaian RM175,000 Bantuan Pinjaman PTSR Kepada 37 Usahawan di sini baru-baru ini.

Selain keperluan modal tambahan, Mohd. Rashid memberitahu bahawa usahawan berjaya adalah mereka yang inovasi serta bijak membaca pasaran semasa dalam persekitaran ekonomi yang kian mencabar belakangan ini.

"Apabila mempunyai perniagaan yang sama, para peniaga mungkin dapat bertukar-tukar pendapat dan belajar antara satu sama lain berkenaan pemasaran, pusingan modal serta teknik-teknik lain dalam bidang berkaitan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak pada majlis berkaitan.

Difahamkan, seramai 2,297 peminjam berdaftar sejak PTSR diperkenalkan pada tahun 2009 hingga 17 Jun lalu.

Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menguruskan secara langsung urusan berkaitan PTSR, dengan tempoh bayaran balik ditetapkan oleh agensi Kerajaan Negeri itu.

Berdasarkan rekod PDC, Mohd. Rashid memuji 54.4 peratus golongan wanita yang berjaya memperoleh pinjaman PTSR, sehingga kini.



MOHD. Rashid Hasnon (berbaju Melayu biru) merakam gambar kenangan bersama-sama para penerima Cek Pinjaman PTSR pada majlis penyerahannya di sini baru-baru ini.

## ADUN teruskan tradisi sumbangan raya



ABDUL Malik Abul Kassim (berbaju merah) dan Sim Tze Tzin (berkaca mata, berkemeja putih) bergambar kenangan dengan para penerima sumbangan raya pada majlis penyampaian khas di sini baru-baru ini.

**TERUS TRADISI SUMBANGAN RAYA...** Sebagai penghargaan dan bagi mengurangkan bebanan para nelayan serta ibu tunggal kawasan Permatang Tepi Laut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim meneruskan tradisi menyampaikan sumbangan khas sempena Aidilfitri.

Pada majlis berkaitan, seramai 50 nelayan dan ibu tunggal (45) menerima sumbangan yang disumbangkan Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan yang istimewa adalah duit raya daripada Abdul Malik sendiri.

Hadir sama pada majlis yang diadakan di Dewan Unit Nelayan Permatang Tepi Laut baru-baru ini ialah Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

## KN gesa polis siasat insiden khianat dua kuil



PROF. Dr. P. Ramasamy (kanan sekali) bersama-sama Ketua Menteri dan ahli-ahli jawatankuasa kuil melihat insiden khianat yang berlaku di salah sebuah kuil Hindu di Penanti baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy memberitahu, Kerajaan Negeri mengecam perbuatan khianat ke atas beberapa patung sembahan Hindu di dalam kuil dekat Ladang Penanti, Seberang Perai Tengah (SPT) dalam dua kejadian berasingan sebelum ini

Beliau berkata demikian dalam majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama pada majlis tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam dan Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan).

Ramasamy dalam pada itu menggesa siasatan segera daripada pihak polis berhubung laporan kejadian berkaitan.

Difahamkan, perbuatan khianat ke atas Kuil Muthumariaman berusia lebih 100 tahun berlaku pada 2 Jun lepas, manakala insiden serupa di Kuil Sri Dharma Muniswerar di sana juga pada 11 Jun lalu.

# Tanam 60 pokok di Sg. Keluang harap gamit komitmen komuniti, NGO – Exco

**PANTAI JEREJAK –** Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) baru-baru ini mengambil inisiatif menanam 60 pokok *Tecoma* di sepanjang tanah rizab Sungai Keluang sebagai kempen nilai kepada komuniti setempat untuk turut memberi komitmen memelihara serta memulihara semula sungai di negeri ini.

Mengulas lanjut, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berharap usaha murni tersebut turut mendapat partisipasi badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta pertubuhan berkaitan alam sekitar berwajib.

"Kerajaan Negeri ketika megambil alih tampuk pemerintahan telah mengenal pasti bahawa isu kebersihan sungai merupakan perkara utama yang perlu ditangani.

"Selain pencemaran, cabaran utama adalah ketika berlakunya banjir kilat sehingga mendorong kita (Kerajaan Negeri) melakukan kajian.

"Hasil kajian mendapati bahawa polisterina dan plastik menjadi penyumbang sehingga menyebabkan punca saliran tersumbat, malah ia juga sukar dilupuskan.

"Justeru, Kerajaan Negeri telah meminimumkan penggunaan bahan-bahan tersebut," ucapnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu pada penganjuran Program Pengindahan Rizab Sungai Keluang Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah JPS Pulau Pinang, Ir. Sabri Abdul Mulok.

Dalam pada itu, Sabri memuji komitmen Kerajaan Negeri dalam menjaga kebersihan sungai, pengindahan kawasan serta memanfaatkan kawasan di tanah rizab sungai.

"Kawasan rizab Sungai Keluang akan dimanfaatkan sebaik mungkin supaya masyarakat akan lebih 'dekat' dan sayang kepada sungai.

"Kita berharap dapat mewujudkan kehijauan dan panorama yang menarik di sepanjang sungai sebagai lokasi santai seisi keluarga pada hujung minggu dan cuti umum menerusi inisiatif ini," jelasnya.

Sungai Keluang sepanjang 2.4 kilometer (km) merupakan sungai utama di Parlimen Bayan Baru dengan lapan sungai mengalir masuk antaranya, Sungai Relau A, Relau B, Sungai Nibong Kecil, Sungai Tiram, Sungai Nibong Besar, Sungai Dua dan Sungai Sembilang.



PHEE Boon Poh (duduk, kanan) dan Sabri Abdul Mulok (duduk, kiri) menanam pokok *Tecoma* sebagai gimik pelancaran Program Pengindahan Rezab Sungai Keluang Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

# Perpustakaan Digital pertama Pulau Pinang, dibuka Ogos

**GEORGE TOWN –** Perpustakaan Digital Pulau Pinang pertama bernilai RM2.5 juta akan dibina oleh Kerajaan Negeri dengan kolaborasi daripada syarikat *Keysight Technologies* dan Eastern & Oriental Berhad (E&O) serta mendapat sokongan *TIME*.

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek terbaru tersebut diilhamkan susulan kejayaan menubuhkan *Penang Science Cafe* di Wisma Yeap Chor Ee dekat George Town sebelum ini.

Jelasnya, bangunan PUSPANITA yang mempunyai nilai warisan dekat *Penang Free School* akan dijadikan lokasi Perpustakaan Digital Pulau Pinang.

"Ia (Perpustakaan Digital Pulau Pinang) tidak akan menjadi perpustakaan biasa yang sedia ada di Pulau Pinang.

"Tiada model (rujukan) kerana ia (Perpustakaan Digital Pulau Pinang) adalah batu asas di negeri ini.

"Lebih 3,000 e-book terpilih yang istimewa, e-majalah dan jurnal rujukan...pustakawan di sini pun adalah 'pustakawan digital juga," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait, Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi turut sertai sidang media itu.

Hadir sama, Pengarah Kumpulan Strategi Korporat E&O, Lyn Chai dan Pengarah Perhubungan Korporat *Keysight Technologies*, Jenny Foo.

Guan Eng berkata, majlis pelancaran Perpustakaan Digital Pulau Pinang dijangka pada bulan Ogos ini.

Difahamkan, Kerajaan Negeri dan E&O masing-masing menyumbang RM1 juta.

Manakala, *Keysight Technologies* menyumbang RM350,000 dan RM120,000 lagi disumbang oleh TIME.

# Pusat digesa lebih efisien proses permohonan kewarganegaraan - TKMII

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BERTAM –** Kerajaan Pusat digesa agar mengambil pendekatan lebih efisien dalam memproses permohonan kewarganegaraan di negara ini berikutan masih terdapat banyak kes lama tertunggak meskipun telah memenuhi syarat serta prosedur ditetapkan.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, Kerajaan Pusat seharusnya memandang serius masalah tersebut dengan meningkatkan efisiensi sistem penyampaian dan mengatasi karenah birokrasi yang merumitkan proses permohonan diluluskan.

"Tanpa memiliki taraf kewarganegaraan, individu-individu ini akan menghadapi pelbagai masalah dan telah dinafikan hak serta keperluan asasi mereka.

"Kanak-kanak tanpa kerakyatan tidak dapat bersekolah, individu dewasa tidak dapat memiliki lesen memandu, pasport, tidak boleh mendaftarkan perkahwinan, tidak dapat membuka akaun bank dan dinafikan hak untuk mengundi.

"Malah, masalah utama dihadapi adalah mereka tidak boleh mendapat pekerjaan sah di sektor kerajaan mahupun swasta," ucapnya pada Majlis Perasmian Program Kewarganegaraan Kerajaan Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel dan Pegawai-pegawai Pembantu Kewarganegaraan.

Program Kewarganegaraan Negeri Pulau Pinang yang diperkenalkan Kerajaan Negeri sejak 1 Februari 2013 adalah bagi membantu golongan yang mempunyai masalah taraf kerakyatan.

Menurut Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, kebanyakan pemohon berkaitan adalah dari golongan kurang mampu serta menetap di kawasan pedalaman, yang mana menyukarkan mereka untuk memperoleh bantuan kebajikan.

"Justeru itu, saya mencadangkan agar pemohon kewarganegaraan berusia lebih 50 tahun dan mempunyai anak-anak yang memiliki taraf kewarganegaraan supaya diberi taraf kerakyatan secara automatik

"Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) juga perlu melantik kakitangan yang boleh bertutur dan berurusan dengan pemohon kurang berpendidikan dalam bahasa ibunda mereka," seru beliau.

Tambah beliau, sehingga kini, sejumlah 654 individu telah dibantu melalui program hasil inisiatif Kerajaan Negeri tersebut.

# Aidilfitri, kegembiraan dikongsi bersama

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Masih ada yang prihatin dengan menaja baju raya kepada 15 anak yatim terpilih dari sekitar kawasan Jalan Tenggiri baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin ketika menyerahkan sumbangan itu memuji inisiatif Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Tenggiri, Muhamad Khadari Mat Salleh kerana menaja program kebajikan berkaitan.

Malah, Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan turut memuji Pengurus Kanan Gedung Parkson Sunway Carnival, Neoh Kean Teong kerana memberikan potongan harga istimewa kepada semua 15 anak yatim yang membeli baju raya di sini.

"Ini sudah tahun ketiga, tiap-tiap tahun 15 anak yatim terpilih di sekitar Jalan Tenggiri akan kita bawa ke sini, dengan setiap seorang diberi RM150 dengan mereka bebas pilih baju raya masing-masing.

"Kita berusaha sebaik mungkin untuk berkongsi kegembiraan menyambut hari lebaran Aidilfitri nanti," katanya kepada pemberita pada majlis berkaitan.

Salah seorang penerima, Hafiz Danial Zakaria, 8, yang ditemui kemudian melahirkan rasa gembira kerana boleh berbaju raya baharu pada hari lebaran nanti.

"Saya gembira sebab pertama kali dapat baju raya percuma," katanya yang merupakan pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Seberang Jaya 2.

Nada yang sama turut dikongsi oleh sepasang adik-beradik, Hafizah Daud, 7, pelajar SK Seberang Jaya 2 dan Noraira Daud, 6, pelajar Tadika Shulang dekat Jalan Tuna.



**SALAH seorang ahli jawatankuasa penganjur mengenakan sepasang baju raya kepada salah seorang kanak-kanak pada program Jom Shopping Raya anjuran JKKK Jalan Tenggiri.**



**ZAIRIL Khir Johari (dua dari kanan) menyerahkan bungkusan kurma kepada salah seorang pesakit sambil disaksikan Dr. Afif Bahardin (dua dari kiri) di HPP di sini baru-baru ini.**

Difahamkan, pada 26 Jun lalu, Pusat Khidmat Rakyat ADUN Seberang Jaya turut menaja 50 anak yatim terpilih lain, untuk membeli-belah baju raya di lokasi sama.

Dalam program berasingan, Afif meneruskan tradisi menyerahkan kurma dan kuih raya kepada para pesakit terpilih di Wad Ortopedik dan Onkologi Hospital Pulau Pinang (HPP).

Exco Pembangunan Pelancongan merangkap ADUN Batu Lanchang, Danny Law heng Kiang, Cheah Kah Peng (ADUN Kebun Bungah) dan Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera) turut menyertai program ramah-mesra tersebut.

"Ini adalah lawatan dan rutin tahunan saya setiap kali tibanya bulan Ramadan," ujarnya sambil memberitahu program ramah-mesra serupa turut diadakan di Hospital Seberang Jaya.

Mereka turut meluangkan masa selama 10 minit mengunjungi Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dekat HPP.


UNIT KOSONG PERUMAHAN DAN KOMERSIL PDC UNTUK JUALAN / SEWAAN



KOMTAR PODIUM - RUANG PEJABAT / UNIT KOMERSIL



BURMAH SQUARE - UNIT KOMERSIL




THE ONE, BANDAR BAYAN BARU - RUANG PEJABAT / UNIT KOMERSIL



KOMPLEKS JALAN KEDAH - UNIT KOMERSIL



BLOK 5 TINGKAT, BANDAR SEBERANG JAYA - RUMAH PANGSA

Permohonan boleh dibuat di Pejabat PDC di Tingkat 4, Bahagian Pengurusan Harta atau hubungi kami di talian 04-6340411/423/415.

# Cari tapak baru tempat semula gelandangan terpilih - Exco

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri giat mencari suatu tapak baharu untuk penempatan semula golongan terpilih yang bergelandangan di sekitar bandar raya George Town.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata demikian pada Majlis Perasmian Program Pendidikan Kesedaran Pencegahan Pengemisan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang (JKMNPP), Said Siduk, wakil Ketua Polis Negeri, Supritendan Anuar Omar serta pegawai-pegawai agensi kerajaan yang terlibat.

Bagi Boon Poh, inisiatif JKMNPP menganjurkan program komuniti bertemakan 'Bijak Membantu, Elak Tertipu' tersebut adalah amat bertepatan, kerana begitu banyak sindiket penyamaran sebagai golongan gelandangan belakangan ini dilaporkan.

"Pulau Pinang sememangnya menjadi tumpuan 'pengemis' yang sebahagian besarnya datang dari luar negeri ini.

"Perkara ini turut dibahaskan pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Mei lalu dan dipersetujui.

"Terdapat satu kes di kawasan Bagan, yang mana seorang lelaki dipercayai menyamar sebagai sami, mengemis selama dua jam dan mampu menjana pendapatan sebanyak RM400 dalam tempoh tersebut," ujar beliau.

Pada kempen tersebut, pegawai dan kakitangan JKMNPP turut mengedarkan beg goodies mengandungi risalah, sampul raya dan poster bagi menyedarkan orang ramai akan peri pentingnya tidak memberi 'sedekah' kepada golongan yang salah.

**Orang ramai yang ingin membuat aduan berhubung pengemis dan gelandangan boleh menghubungi Talian Kasih 15999.**




**PHEE Boon Poh melekatkan pelekat Talian Kasih pada salah sebuah kenderaan umum pada Majlis Perasmian Program Pendidikan Kesedaran Pencegahan Pengemisan di sini baru-baru ini.**

VILLA RAINTREE 1

HAKMILIK KEKAL



RUMAH LINK BERKEMBAR 2 TINGKAT
Keluasan Tanah : 2153kp (min) - 2928kp (max)
Keluasan Binaan : 2548kp (min) - 2548kp (max)
Harga Jualan : RM668,000 (min) - RM795,000 (max)
Bilangan Unit : 112



RUMAH TERES 2 TINGKAT
Keluasan Tanah : 1281kp (min) - 3111kp (max)
Keluasan Binaan : 2191kp (min) - 2314kp (max)
Harga Jualan : RM588,000 (min) - RM766,000 (max)
Bilangan Unit : 166



RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT
Keluasan Tanah : 2153kp (min) - 2153kp (max)
Keluasan Binaan : 2232kp (min) - 2232kp (max)
Harga Jualan : RM698,000 (min) - RM718,000 (max)
Bilangan Unit : 4



RUMAH BANDARAN
Keluasan Tanah : 1884kp (min) - 2659kp (max)
Keluasan Binaan : 1709kp (min) - 1873kp (max)
Harga Jualan : RM438,000 (min) - RM575,000 (max)
Bilangan Unit : 56

PELAN LOKASI




PALMINGTON SDN BHD (892241-W)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai,
Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah,
12200 Butterworth.
Tel: 04-324 0088 Fax: 04-324 0090
Email: tilb@tambunindah.com

5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA

No. Lesen Pemaju: 11882-4/11-2016/01188(L)
No. Permit Iklan & Jualan: 11882-4/11-2016/01188(P)
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-75/43
Tarikh Pemajuan Dijangka Siap: Dec 2017
Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah : OCBC
Sekatan Kepentingan: Tiada

Tempoh Sah : 25/11/2014 - 24/11/2016
Tempoh Sah : 25/11/2014 - 24/11/2016

Bilangan Unit:
Rumah Link Berkembar 2 Tingkat - 112 unit
Rumah Berkembar 2 Tingkat - 4 unit
Rumah Teres 2 Tingkat - 166 unit
Rumah Bandaran - 56 unit

# RUU Hadi tidak boleh dipandang ringan

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**KEJUTAN** akibat peristiwa yang berlaku pada hari terakhir persidangan Parlimen yang lalu masih lagi menghantui negara. Dalam satu tindakan persekongkolan antara PAS dan Umno, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Azalina Othman Said telah mengemukakan usul di Parlimen untuk menyegerakan rang undang-undang persendirian oleh Presiden PAS Dato' Seri Abdul Hadi Awang yang bertujuan untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

Jika diluluskan, pindaan ini akan memansuhkan had hukuman sedia ada "3-5-6" bagi mahkamah syariah, yakni penjara tiga tahun, denda tidak melebihi RM5,000 dan enam sebatan. Justeru, mahkamah syariah akan diperkasakan dengan kuasa untuk mengenakan sebarang bentuk hukuman yang dibenarkan dalam Islam, selain daripada hukuman mati.

**Mengapa katakan ia bukan hudud?**

Kekeliruan timbul ekoran percubaan oleh Umno dan PAS untuk mengurangkan kegemparan rang undang-undang ini. Perdana Menteri Dato' Sri Najib Razak, umpamanya, telah mencadangkan bahawa pindaan yang dicadangkan ini tidak bermaksud untuk melaksanakan hukum hudud, tetapi semata-mata untuk meningkatkan kuasa hukuman mahkamah syariah. Begitu juga, Hadi menegaskan bahawa rang undang-undang beliau hanyalah bertujuan untuk "mengangkat martabat" mahkamah syariah, dan bukan untuk memperkenalkan hukum hudud di Kelantan.

Kenyataan sebegini adalah cubaan untuk mengaburkan mata rakyat.

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, usaha PAS selama ini untuk melaksanakan hukum hudud dengan meluluskan Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 di Kelantan dan Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) 2003 di Terengganu tidak pernah membuahkan sebarang hasil, atas sebab batasan dalam undang-undang persekutuan dan juga Perlembagaan Persekutuan.

Bagi membolehkan pelaksanaan hukum hudud, pindaan kepada undang-undang sedia ada perlu dibuat, dan oleh kerana kerajaan pusat sehingga kini tidak pernah menunjukkan sebarang kesanggupan untuk berbuat demikian, maka hudud tidak pernah dianggap sebagai satu kemungkinan. Sehinggalah kini.

Melalui rang undang-undang Hadi ini, kedua-dua halangan utama telah diselesaikan. Pertama, jenayah yang jatuh di bawah undang-undang persekutuan, seperti pencurian, rompakan dan liwat, telah dikecualikan. Ini adalah tindakan yang lantas memintasi persoalan Perlembagaan yang nyata, kerana percanggahan bidang kuasa tidak lagi timbul.

Kedua, pemansuhan had 3-5-6 yang sedia ada dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) serta-merta membolehkan kebanyakan daripada hukuman yang ditetapkan di bawah hukum hudud, khususnya 100 sebatan untuk zina, 80 sebatan untuk qazaf (fitnah zina), 40-80 sebatan kerana mabuk dan hukuman penjara tanpa had bagi mereka yang disifatkan sebagai sesat dan murtad.

Justeru, walaupun pengecualian jenayah persekutuan sememangnya bermakna bahawa enakmen hudud di Kelantan dan Terengganu tidak boleh dipakai secara keseluruhannya, pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) pada dasarnya akan membolehkan pelaksanaan semua hukum hudud kecuali hukuman mati.

Oleh itu, memandangkan sebahagian besar daripada enakmen hudud akan diaktifkan dengan pindaan ini, maka adalah salah untuk mengatakan bahawa rang undang-undang Hadi ini tidak berkaitan dengan hudud.




**ZAIRIL Khir Johari (bersongkok) mengagihkan sumbangan zakat dan bantuan kepada warga Tanjung Bunga.**

**Hukuman mati perbatasan tunggal**

Kesan rang undang-undang Hadi tidak berakhir di situ. Dengan pemansuhan had hukuman sedia ada serta pengenaan perbatasan tunggal dalam bentuk hukuman mati, ia bermaksud bahawa apa-apa hukuman lain termasuk penyitaan harta, hukuman penjara tanpa had, pemotongan anggota dan sebarang bilangan sebatan, boleh dilaksanakan dengan mudah asalkan pindaan dilakukan kepada enakmen negeri yang berkaitan.

Sebagai contoh, kerana mahkamah syariah tidak mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman rejam sehingga mati kepada penzina sebagaimana ditetapkan dalam enakmen hudud, mereka sebaliknya boleh dihukum melalui beberapa alternatif, termasuk penjara seumur hidup, sebatan di khalayak umum atau pengasian (sebelum sesiapa mengatakan bahawa pengasian itu tiada dalam hudud, saya ingin mengingatkan bahawa rejam juga tiada dalam Quran dan dianggap oleh ramai ulama sebagai takzir dan tidak tergolong dalam hukum hudud).

Pada masa yang sama, mereka yang didapati bersalah kerana sesat dan murtad mungkin menghadapi hukuman teruk seperti penjara seumur hidup, atau apa sahaja hukuman selain hukuman mati. Di Malaysia, di mana terdapat golongan minoriti Islam seperti Syiah yang dianggap sesat, kemungkinan ini boleh membawa bahana yang menakutkan.

Senario ini menimbulkan kebimbangan apabila kita mengamati pengalaman pelaksanaan hukum hudud di negara-negara lain pada hari ini. Secara kelaziman, pelaksanaannya mendedahkan bias sosial yang jelas terhadap kumpulan terpinggir, termasuk wanita, orang miskin dan golongan minoriti. Apakah jaminan bahawa sistem ini akan mengadili mereka dengan adil?

Bahana daripada rang undang-undang Hadi ini tidak boleh dipandang ringan. Ia bukan sekadar memberi kuasa hampir mutlak kepada sistem undang-undang syariah dalam penentuan hukuman, ia juga akan terus memisahkan masyarakat kita serta menyekat kebebasan peribadi umat Islam. Walaupun agenda hudud ini mampu mencapai tujuan politik Umno dan PAS dalam jangka masa pendek, ia akan membawa bencana bagi negara kita dalam jangka masa panjang.




**PENGANJURAN program *'Free Market'* di Tanjung Tokong yang menampilkan kerjasama daripada kalangan masyarakat.**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Dahalan Fazil<br>dlan6658@gmail.com | 019 - 727 4388 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012 - 594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 010 - 542 9158 | - Mohd. Zaki Ismail |
| N2 | Bertam | : 012 - 466 9681 | - Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R. M Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 417 3068 | - Siti Zunnurain Zulkafli |
| N6 | Telok Air Tawar | : 016 - 463 3866 | - Malik Bakar |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 0111-508 0215 | - Siti Hajar Abdul Aziz |

| | | | |
|---|---|---|---|
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 010 - 773 2395 | - Firdaus |
| N39 | Pulau Betong | : 016 - 407 2135 | - Zulkiflee Ahmad |
| N40 | Telok Bahang | : 017 - 413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2016

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Goh Choon Aik | 04-588 3045<br>019 457 3222 |
| Alias Wan Chek | 019 - 540 4553 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 012 - 465 4419 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | R. Gunalan | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 011 - 2666 9091 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2016

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016 - 417 1331 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Shahul Hameed M.K. Mohamed Ishack | 017 - 473 0194 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Julai 2016





## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN, LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Teck Meng elak soalan Exco isu tender terbuka projek



LIM Hock Seng menerima sokongan padu daripada barisan kepimpinan Kerajaan Negeri termasuk Ketua Menteri pada sesi Debat Projek Tiga Jalan Utama dan Terowong Bawah Dasar Laut 28 Jun lalu di sini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Setiausaha Agung Gerakan, Datuk Liang Teck Meng dalam debat terbuka pada 28 Jun baru-baru ini seakan mengelak asakan Lim Hock Seng untuk menyatakan pendirian mengenai komitmen Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mengamalkan tender terbuka bagi Projek Tiga Jalan Utama dan Terowong Bawah Dasar Laut yang bernilai RM6.431 juta.

Hock Seng yang juga Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti turut menyeru Teck Meng menyatakan pendirian mengenai rekod projek di bawah Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN) dahulu yang didedah menjual tanah secara 'tender abang-adik'.

Menurut Hock Seng, **Kerajaan Negeri era BN dahulu meluluskan projek tambak laut seluas 980 ekar kepada pemaju E&O dengan harga semurah RM42.7 juta atau RM1 sekaki persegi.**

Katanya, **Kerajaan Negeri terdahulu turut meluluskan projek tambakan seluas 325 ekar untuk projek Jelutong Expressway (JE) yang kemudian ditukar nama sebagai Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu kepada IJM Land pada harga serendah RM325 juta atau RM20 sekaki persegi.**

**"Adakah projek-projek dahulu Barisan Nasional (BN) di Pulau Pinang dilaksanakan secara tender terbuka?**

"Sekiranya Kerajaan Negeri hari ini mengamalkan tender secara terbuka, adakah itu salah, atau sebenarnya salah 'tender abang-adik' yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN)," tanya beliau kepada Teck Meng yang juga Ahli Parlimen Simpang Renggam, Johor.

Hock Seng dalam pada itu turut memohon penjelasan sama ada Kerajaan Persekutuan baru-baru ini melaksanakan tender terbuka atau 'tender abang-adik' dalam projek *Bayan Lepas Expressway* (BLE) serta penarafan Empangan Mengkuang, namun langsung tiada jawapan daripada Teck Meng.

Teck Meng turut tidak memberikan sebarang maklum balas pada soalan Hock Seng, sama ada Gerakan serta BN akan menyokong atau sebaliknya, berhubung permohonan pemajuan jambatan ketiga tanpa tol dengan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

Pada debat terbuka itu, Hock Seng turut menjelaskan mengenai amalan tender terbuka serta RFP yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam projek tiga jalan utama serta projek terowong bawah dasar laut berkaitan.

Jelasnya, sebanyak 60 pihak pemaju mengambil borang tender terbuka, iaitu 17 firma antarabangsa dan 43 syarikat pemaju tempatan.

Namun, kata Hock Seng, sebanyak 11 borang permohonan tender terbuka dikembalikan kepada Kerajaan Negeri.

"Selepas itu, lapan syarikat sahaja disenarai pendek untuk proses selanjutnya, yang dilakukan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus sendiri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Tender Terbuka, tanpa campur tangan mana-mana ahli politik pemerintah di negeri berkenaan.

"Hanya lima syarikat sahaja yang berjaya mengemukakan RFP, dengan Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. (CZBUCG) dipilih kerana menawarkan harga terendah sejumlah RM6.431 bilion.

"Kemudian, barulah Jawatankuasa Teknikal Kewangan yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Moktar Mohd. Jait serta dianggotai oleh wakil beberapa jabatan kerajaan berunding dengan CZBUCG berhubung RFP berwajib," ujarnya.

Hock Seng memberitahu, pelaksanaan RFP menunjukkan bahawa Kerajaan Pulau Pinang sendiri tidak mengamalkan tender terbuka adalah suatu pembohongan Teck Meng yang mengelirukan.

"Adakah Yang Berhormat Liang Teck Meng tahu bahawa pihak Kerajaan Negeri, kita sendiri ada menggaji pihak jurutera pemantau bebas untuk meneliti meneliti dan mengkaji syor-syor serta pandangan yang diberi oleh konsultan-konsultan (yang dilantik oleh CZBUCG).

"Malah, Kerajaan Negeri sendiri ada melantik konsultannya sendiri untuk turut membuat kerja-kerja berwajib berkaitan Kajian Terperinci Kesan Terhadap Alam Sekitar (DEIA) juga," respons Hock Seng.

## Projek tiga jalan utama dan terowong bawah dasar laut tidak batal - KM

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri tidak pernah membatalkan projek pemajuan tiga jalan utama dan terowong bawah dasar laut bernilai RM6.341 bilion yang sedang diusahakan oleh Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. (CZBUCG), sebagaimana dilaporkan dalam beberapa media arus perdana tententu baru-baru ini.



ZARUL Ahmad Mohd. Zulkifli.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek itu sebenarnya bergantung pada kelulusan Kajian Terperinci Kesan Terhadap Alam Sekitar (DEIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Kerajaan Persekutuan.

"Ada beberapa laporan akhbar tertentu mengatakan bahawa projek ini dibatalkan, sebenarnya tidak ada sebarang projek dibatalkan oleh Kerajaan Negeri," jelasnya kepada pemberita pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng dalam pada itu turut menyatakan inti perjanjian asal yang dimeterai oleh Kerajaan Negeri dengan CZBUCG, iaitu pemaju projek mega tersebut.

Jelas Guan Eng, perjanjian tersebut antara lain menyebut, "Sekiranya DEIA tidak diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar, ini bermakna projek ini tidak boleh berjalan dan semua kos akan ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor."

Tambahnya, cadangan pemajuan jambatan ketiga Pulau Pinang tanpa tol, sebagai ganti pada projek terowong bawah dasar laut pun sebenarnya bergantung pada kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan.

Pada sidang media sama, Pengerusi CZBUCG, Datuk Zarul Ahmad Mohd. Zulkifli turut menafikan beberapa laporan berita tersebut.

Katanya, majlis penerangan bersama media di Kuala Lumpur sehari sebelum itu antara lain untuk membuktikan bahawa konsultan yang dilantik oleh CZBUCG bagi melaksanakan Kajian Kebolehlaksaaan dan Rekabentuk Terperinci bukanlah 'konsultan plastik'.

"Tiga perkara dalam sidang media itu, iaitu mengfailkan saman fitnah kepada Datuk Huan Cheng Guan (Naib Presiden Parti Cinta Malaysia, PCM).

"Kedua, untuk memberitahu bahawa projek Zenith BUCG ini dibiayai oleh rakyat Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan tidak memberi walau sesen pun.

"Dan, ketiga, saya pada masa hadapan ingin menjemput beberapa wartawan untuk ke China bagi melihat sendiri, terowong bawah dasar laut yang dibina," ujarnya sambil mengharapkan kerja-kerja pemajuan tiga jalan utama dapat dimulakan pada awal tahun depan.

Zarul Ahmad memberitahu bahawa pihaknya akan membuat jelajah penerangan selepas perayaan Hari Raya Aidilfitri kelak, demi memberitahu rakyat mengenai manfaat projek mega tersebut serta menangkis tuduhan-tuduhan tanpa asas yang dibangkitkan sebelum ini.

## Projek infrastruktur, kepentingan Kerajaan Negeri dilindungi – KM

**GEORGE TOWN –** Kepentingan Kerajaan Negeri dalam perjanjian projek infrastruktur yang dimeterai bersama syarikat Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. (CZBUCG) tidak akan terjejas, malah dilindungi.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, perjanjian yang dimeterai pada Oktober 2013 itu memberi jaminan bahawa segala kepentingan Kerajaan Negeri dilindungi.

"Segala kepentingan Kerajaan Negeri dilindungi kerana kita (Kerajaan Negeri) menandatanganinya secara bersama dan juga secara individu (iaitu syarikat-syarikat di bawah CZBUCG menandatangani perjanjian secara syarikat individu).

"Kerajaan Negeri dilindungi sepenuhnya di bawah perjanjian berkaitan dengan jaminan berganda kerana kita (Kerajaan Negeri) menandatanganinya bersama syarikat-syarikat individu dan menandatanganinya secara konsortium (syarikat bersama).

"Ini bermakna, Kerajaan Negeri boleh mengambil sebarang tindakan terhadap konsortium ataupun syarikat-syarikat individu sekiranya perjanjian tersebut 'dilanggar'," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam respons tersebut, Guan Eng yakin walaupun terdapat perubahan pegangan saham dalam konsortium, ia tidak akan menjejaskan projek infrastruktur yang membabitkan pembinaan tiga lebuh raya dan terowong bawah dasar laut.

"Walaupun pelbagai tuduhan dan fitnah dilemparkan (terhadap Kerajaan Negeri) bagi mensabotaj projek-projek infrastruktur Kerajaan Negeri, kita (Kerajaan Negeri) tidak gentar kerana ia dibuat melalui tender terbuka dan bukannya tender 'abang-adik'.

"Hanya Pulau Pinang sahaja satu-satunya negeri di Malaysia yang dipuji oleh *Transparency International* kerana melaksanakan tender terbuka yang telus," jelasnya.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menafikan bahawa terdapat sebarang penangguhan atau pembatalan projek berkaitan dan menyifatkan perkara itu sebagai salah lapor.

"Tidak ada penangguhan projek terowong bawah dasar laut, sebaliknya kita (Kerajaan Negeri dan CZBUCG) memberi perhatian terhadap pembinaan tiga lebuh raya utama dahulu," jelas beliau.

Pada Oktober 2013, Kerajaan Negeri menandatangani perjanjian bagi pembinaan tiga jalan-jalan utama dan terowong bawah dasar laut melibatkan CZBUCG sebagai syarikat konsortium dan juga syarikat-syarikat individu lain seperti Zenith Construction Sdn. Bhd., *China Railway Construction Corporation* International (CRCC), *Beijing Urban Construction Group* (BUCG) serta kontraktor Sri Tinggi Sdn. Bhd. dan Juteras Sdn. Bhd..

# Kenapa perlu ditahan seorang KM semalaman, tanya Gobind kepada AG

**GEORGE TOWN –** Peguam Negara (AG), Tan Sri Mohamed Apandi Ali didesak memberi penjelasan mengenai layanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu Pejabat Ketua Menteri dekat Komtar, lalu menahan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng selama semalaman.

Gobind Singh Deo yang mengetuai pasukan pembelaan bagi pihak Guan Eng berkata, layanan sebegitu adalah tidak wajar memandangkan beliau serta anak guamnya sebelum ini telah memberikan kerjasama sepenuhnya bagi membantu siasatan SPRM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung isu pembelian rumah Phang Li Koon berharga RM2.8 juta dekat Jalan Pinhorn.

Tegas Gobind, anak guamnya serta Kerajaan Negeri turut memberi kerjasama dalam membantu siasatan SPRM berhubung isu penjualan tanah Taman Manggis kepada *Kuala Lumpur International Dental Centre* (KLIDC), sebelum ini.

"Tiada suatu sebab untuk menggambarkan bahawa Ketua Menteri akan melarikan diri daripada tanggungjawabnya kerana saya dan beliau sendiri telah memberi jaminan serta membuktikan kebertanggungjawaban ini, dengan memberi kerjasama membantu siasatan polis dan SPRM sepenuhnya sebelum ini.

"Undang-undang jelas, apabila tiada risiko seseorang itu untuk melarikan diri, kebiasaannya memadai seseorang itu diminta untuk hadir ke mahkamah sahaja.

"Saya tanya kepada pihak Peguam Negara, kenapa perlu ditahan seorang Ketua Menteri?

"Bukankah boleh supaya diberikan arahan kepada beliau (Guan Eng) untuk hadir di mahkamah," tanya Gobind yang juga Ahli Parlimen Puchong dalam nada tegas.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama-sama Guan Eng serta barisan kepemimpinan Pakatan Harapan di Dewan Bandaran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dekat Padang Kota di sini pada 30 Jun lalu.

Guan Eng dalam ucapannya selepas itu berkata, layanan Pejabat Peguam Negara serta SPRM semata-mata demi menjatuhkan maruahnya serta imej tadbir urus bersih Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

"Tahan saya satu malam semata-mata untuk memalukan dan menjatuhkan maruah saya sahaja.

"Saya pun tak faham, kenapa ditahan selama satu malam.

"Adakah mereka berasa saya akan lari...kalau saya lari saya rasa BN lagi suka saya lari," seloroh Guan Eng.

Beliau berkata, layanan dingin SPRM dan pihak Mohamed Apandi langsung tidak akan mematahkan semangatnya untuk terus menentang amalan rasuah yang dikaitkan dengan pemimpin-pemimpin tinggi Barisan Nasional di tanah air ini.

"Saya lebih rela mati berdiri daripada hidup melutut," tegasnya yang juga Setiausaha Agung DAP Kebangsaan.

## Walaupun apa yang berlaku, kita tidak akan menyerah, kita tidak akan putus asa - Guan Eng

**"TERUS** terang saya katakan, saya bimbang. Saya tidak tahu sama ada rakyat Pulau Pinang percaya atau tidak.

"Dalam lapan tahun ini, kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan) bekerja kuat, tunjukkan Pulau Pinang adalah dan jadi model dari segi kewangan dan pengurusan... dan juga bawa kesenangan kepada rakyat.

"Saya memang tidak makan wang.

"Saya nak beritahu Barisan Nasional (BN), mereka boleh guna apa-apa kuasa terhadap Lim Guan Eng, tetapi jangan main-main dengan Ketua Menteri Pulau Pinang.

"Jawatan Ketua Menteri adalah dipilih oleh 1.5 juta lebih rakyat Pulau Pinang. Ia membawa amanat rakyat dan perlu menghormati keputusan rakyat," ucap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Program Penerangan Ketua Menteri Bersama Rakyat pada 3 Julai lalu di sini.

Guan Eng memberitahu bahawa beliau berterima kasih dan amat terharu kerana rakyat masih percaya Lim Guan Eng dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak makan wang.

"Kita akan lawan habis-habisan," ucapnya sambil menyatakan bahawa rakyat tahu apa yang Kerajaan Negeri Pakatan Harapan lakukan dalam tempoh lapan tahun ini.

"Kita bersih, kita buat tender terbuka. Tiap-tiap tahun, Pulau Pinang ada surplas, Pulau Pinang paling *best*. Malah, Pulau Pinang mempunyai jumlah hutang terendah dengan Pusat berbanding negeri-negeri lain dan tidak pinjam walau sekupang pun daripada Pusat untuk bayaran bonus Raya," jelasnya.

**"Hari ini, kita berjalan secara aman untuk negara kita, bagi membolehkan anak-anak kita hidup dalam negara yang bersih.**

**"Saya ada atau tiada tidak penting, Pulau Pinang tetap milikan rakyat.**

**"Teruskan perjuangan. Bukan hanya untuk Lim Guan Eng, tapi untuk masa depan anak-anak kita.**

**"Terima kasih kerana berdiri bersama saya demi keadilan. Malaysia boleh jadi milikan rakyat sekiranya rakyat bersatu," ucap Lim Guan Eng pada penganjuran program Solidariti Bersama Lim Guan Eng, 3 Julai lalu.**

Guan Eng dalam pada itu turut menyatakan bahawa tiada dakwaan mengenai tanah di Taman Manggis walaupun Kerajaan Negeri mula 'diserang' menggunakan isu berkaitan.

"Kita akan bekerja seberapa kuat yang boleh. Bersedia untuk mendapat keadilan. Walaupun apa yang berlaku, kita tidak akan menyerah, kita tidak akan putus asa.

"Sama ada saya ada atau tidak ada, kita akan teruskan impian untuk pastikan Barisan Nasional (BN) tiada harapan merampas Pulau Pinang.

"Saya lebih rela mati berdiri daripada hidup melutut," tegas beliau.




**SOLIDARITI rakyat pada program Solidariti Bersama Lim Guan Eng.**



**SAMBUTAN yang diberikan kepada barisan pemimpin ketika mereka berjalan memasuki dewan bagi menjayakan Program Penerangan Ketua Menteri Bersama Rakyat.**

# Negara jenis apa yang kita mahu untuk anak cucu kita – Lim Guan Eng



**SEBAHAGIAN rakyat Malaysia yang hadir memberi sokongan.**

Seramai 4,546 atlet dan 1,248 pegawai dari seluruh negara termasuk Brunei Darussalam akan berentap dalam 24 kategori sukan yang bakal dipertandingkan.



MOHD. Rashid Hasnon (tiga dari kiri) menerima surat jemputan penyertaan SUKMA XVIII bagi negeri Pulau Pinang daripada Michael Manyin Jawong (kiri sekali) sambil diperhatikan Chong Eng (dua dari kanan) dan Farizan Darus (tiga dari kanan) pada sesi kunjungan hormat delegasi berkaitan di sini baru-baru ini.

# ME100, harap jenama P. Pinang sebagai 'negeri sukan'



DR. Wan Azizah Wan Ismail (bertudung ungu) dan Dr. Norlela Ariffin (tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian peserta ME100 di sini baru-baru ini.

**PENANTI –** Larian merentas denai mencabar sejauh 100 batu yang diperkenalkan dalam edisi kedua Malaysia ECO 100 (ME100) di Sungai Lembu dekat Kawasan Parlimen Bukit Mertajam sekaligus seakan menempa rekod saingan paling jauh dan sukar dalam sejarah penganjuran acara seumpama itu di tanah air ini.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berharap penganjuran acara itu mampu terus mereputasi jenama Pulau Pinang sebagai 'negeri sukan' pilihan dunia bagi sukan mencabar dan ekstrem.

Kategori 100 batu yang baru diperkenalkan itu menyamai jarak 160.9 kilometer (km).

"Tahniah kepada para peserta...di samping itu, jangan lupa untuk menikmati keindahan alam yang terbentang di sepanjang larian ini nanti," katanya sebelum menyempurnakan acara pelepasan peserta larian tersebut di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon; ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Selain kategori 100 batu, difahamkan, jawatankuasa penganjur turut mengekalkan kategori 50km dan 100km seperti dalam edisi sulung sebelum ini.

# Renovasi Komtar gamit perhatian peserta Larian Komtar 2016



NG Wei Aik (kiri sekali) bergambar kenangan dengan para pemenang Kategori Lelaki Terbuka pada penganjur an Larian Komtar 2016 di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik berkata, renovasi besar-besaran pada struktur bangunan Komtar yang menjadi mercu pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang seakan turut dirasai oleh rata-rata peserta edisi kelapan Larian Komtar 2016 baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah Larian Komtar 2016 yang dilangsungkan di Komtar Walk di sini.

"Kini, Komtar juga berubah, dari 65 tingkat kepada 68 tingkat setelah Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan pihak swasta memberi tambah nilai kepada mercu tanda negeri ini.

"Tahun hadapan, saya harap kita akan dapat guna tangga baharu yang dinaiktaraf melalui Komtar Walk naik terus ke tingkat lima dan terus berlari ke garisan penamat," ujarnya.

Difahamkan, seramai 1,015 peserta dari dalam dan luar negara bersaing merebut kejuaraan dalam acara tahunan kali ini.

Bagi Kategori Terbuka Lelaki, R. Ruben Kumar berjaya menggondol gelaran juara dengan catatan masa 13 minit dan 31 saat meninggalkan Yong Jin Kuang di kedudukan kedua dan Nik Fakaruddin Ismail pada tempat ketiga.

Manakala, Kategori Terbuka Wanita dimenangi Yee Pei Ni, dengan catatan masa 17 minit dan 7 saat.

Peserta, A.Vadiveelu berjaya memenangi tempat pertama bagi Kategori Veteran Lelaki, selepas menewaskan dua pencabar terdekatnya, Khir Salleh di tempat kedua dan V. Devandran (tempat ketiga).

Karen Geh Cheng Hoon, selesa memenangi Kategori Veteran Wanita dengan catatan masa 18 minit 39 saat.

Kategori Remaja Lelaki menyaksikan Goh Jiang Xian menggondol kejuaraan selepas mendahului pencabar kedua, Ahmad Muhaimin Abd. Manan dan ketiga, Muhammad Irwan Zahaidi.

Bagi Kategori Remaja Wanita, Janice Loh Yin Jin diumum sebagai juara.

Semua pemenang menerima hadiah berupa wang tunai, sijil penyertaan, trofi dan pingat.

Tidak ketinggalan adalah 30 hadiah cabutan bertuah berupa barangan elektrik dan basikal yang menjadi rebutan para peserta.

# Tambakan laut selatan pulau

## bawa manfaat ekonomi, pekerjaan buat keluarga nelayan

**MACAM-MACAM** reaksi di sebalik cadangan pemajuan kerja penambakan laut di bahagian selatan pulau Pulau Pinang bagi pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) negeri.

Umumnya, projek tersebut dikata bakal menjejaskan hasil pendapatan nelayan pantai sekitar Teluk Kumbar, Batu Maung dan Gertak Sanggul, sungguhpun PIP adalah demi menangani cabaran trafik sesak di Pulau Pinang sehingga tahun 2050.

Wawancara wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar **LAW SUUN TING** dengan dua Ketua Unit Nelayan di sini seakan memberi gambaran lain berhubung isu berbangkit ini.

"Hasil laut bagi nelayan dari Teluk Kumbar hingga Gertak Sanggul selama ini pun memang berkurang (dalam tempoh) antara bulan Januari hingga Mei sebab musim, bukan terjejas atas sebab lain.

"Walaupun musim tak baik, terpaksa pergi juga (dengan) dapat hasil kasar RM100 hingga RM200 sekali ke laut.

"Tapi, hasil nelayan yang ke laut seorang diri memang terjejas kerana selepas adanya dua atau mungkin tiga pulau jadian nanti, mereka tak boleh lagi pergi memukat terlalu jauh dari pantai.

**"Untuk jangka pendek memang terjejas, tetapi jangka panjang selepas ada pulau ini, kita sendiri pun tak tahu.**

**"Kita kata tiada ikan, mungkin lebih banyak ikan.**

**"Sebagai contoh, kita kata tiada ikan ketika projek dakwaan pembinaan jambatan kedua, hingga protes yang sangat banyak.**

**"Cuba pergi tengok perairan di Jambatan Kedua Pulau Pinang sekarang, ikan lebih banyak kerana di sana seakan menjadi kawasan terumbu jadian untuk habitat laut biak.**

"Contoh nombor dua, nelayan di Changkat dekat Sungai Acheh-Sungai Bakap dahulu tidak berkembang seperti sekarang, tapi apabila jadi jambatan, bertambah maju aktiviti ekonomi seperti pekerjaan membawa pengunjung pergi memancing saja, selain kerja tangkap ikan," respons Mad Zin Che Din, 66, di Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN), yang didirikan oleh Konsortium SRS di sini baru-baru ini.

Mad Zin, Jurubicara Setempat Konsortium SRS sebelum ini lebih 22 tahun menjadi nelayan pantai dan baru melepaskan jawatan sebagai Ketua Unit Nelayan Teluk Kumbar.

Beliau pernah memimpin lebih 335 nelayan pantai di Teluk Kumbar, termasuk 200 ahli unit yang aktif.

**Menurut Mad Zin, projek di sini sebenarnya langsung tidak membabitkan pengambilan balik tanah, pemindahan rumah atau pondok nelayan, sepertimana digambarkan oleh sesetengah pihak yang anti pembangunan projek berkenaan.**

**"Kalau orang yang hatinya memang tidak mahu menerima apa jua projek pembangunan, kita cakap apa pun dia tidak akan terima.**

"Selepas projek tambak laut di sini sebelum ini, bilangan nelayan pantai di Batu Maung dan Bayan Lepas tak juga berkurang, kerana wujudnya aktiviti ekonomi lain dengan peluang pekerjaan yang baharu di Zon Perindustrian Bayan Lepas.

"Orang dari Baling dan Sik (dekat Negeri Kedah), dari Padang Besar (dekat Perlis) dan Selama (dekat Perak) boleh berebut datang bekerja di Zon Perindustrian Bayan Lepas selama ini, adakah anak tempatan boleh kata hasil pembangunan di sini menjejaskan pendapatan mereka," soalnya.

**Menurut beliau, purata pendapatan kasar bulanan nelayan di Teluk Kumbar adalah antara RM800 hingga RM1,500.**

**"Nelayan, kalau wartawan atau wakil pemaju datang tanya pendapatan dan hasil laut, mereka akan mengaku dapat RM20 sehari atau kurang RM600 sebulan.**

**"Tapi, kalau pihak bank tanya, mereka akan cakap hasil tangkapan banyak dengan pendapatan antara RM1,000 hingga RM1,500, sebab nak layak dapat pinjaman peribadi.**

"Kalau nak congak boleh, melalui resit beli minyak subsidi...nelayan sama nelayan, dengan tengok hasil tangkapan dalam perahu sahaja dah boleh tahu (pendapatan kasar harian).

"Kalau ada dalam 200 ekor, saya boleh congak tangkapan antara 7 hingga 8 kilogram, ertinya hasil pendapatan kasar hampir RM300 sehari," jelasnya.



MAD Zin Che Din (kiri sekali), Hadith Sidek (kanan sekali) bersama-sama dua Jurubicara Setempat Konsortium SRS lain menjelaskan mengenai aktiviti serta informasi yang dilaksanakan di PPSN.

Menurut Mad Zin, **sehingga kini lebih 150 sesi rundingan dengan kaum nelayan berjaya dibuat sejak PPSN ditubuhkan dan pihaknya menerima sejumlah 229 borang permohonan sebagai pekerja am daripada anak jati tempatan.**

**Katanya, pelbagai bidang pekerjaan am ditawarkan oleh Konsortium SRS supaya komuniti setempat tidak ketinggalan dalam arus pembangunan projek ini.**

"Perjumpaan kita buat dalam kumpulan secara kecil-kecilan antara 10 hingga 15 orang, lebih interaktif dan berkesan.

"Peringkat awal, hampir semua menentang, tetapi apabila diterangkan gambaran yang sebenar, sedikit sebanyak mengubah sikap mereka.

**"Tapi, kawasan yang dikuasai oleh ideologi politik kepartian tertentu, mereka akan terus tolak proses saling berbincang ini serta maklumat-maklumat yang kita (PPSN) bekalkan ini.**

**"Kalau 'Ketua Politik' dia kata B, dia tak akan guna akal untuk nilai proposal pembangunan A yang kita bawa.**

**"Bagi yang terbuka minda, nelayan ini boleh bayang rupa peluang pekerjaan lain jika mereka tidak boleh ke laut selepas ini,"** ujar Mad Zin.

Tambahnya, sehingga kini. Konsortium SRS telah mengambil tiga kakitangan sepenuh masa untuk bekerja di PPSN, selain beberapa orang lagi sebagai jurubicara setempat (local communicator).

Itu, jelas Mad Zin, tidak temasuk peluang pekerjaan lain seperti jurumudi, juruukur laut, juruukur pantai dan pekerja kontrak binaan kelak.

**"Jika projek ini diteruskan sepenuhnya seperti dirancang, Konsortium SRS tawar peluang pekerjaan jangka pendek dan jangka panjang.**

**"Contoh, nelayan akan ada diambil bekerja sebagai jurumudi yang bawa penumpang dari darat ke tengah laut sepanjang tempoh pemajuan projek ini.**

**"Nelayan yang nak jadi jurumudi ini akan dihantar kursus, saling bekerjasama dengan Jabatan Laut, maka nelayan ini akan dapat lesen.**

"Macam sekarang ini, mereka pergi ke laut tanpa lesen dan tak boleh bawa penumpang, selepas ini mereka ada lesen khas yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut.

"Keutamaan untuk nelayan diberikan pekerjaan am yang baharu ini, tanpa mengira kelulusan," katanya.

Timbalan Ketua Unit Nelayan Permatang Tepi Laut, Hadith Sidek, 48, mengaku bahawa sesi rundingan yang dikendalikannya turut membuka minda mereka untuk melihat peluang ekonomi dan pekerjaan baharu di sebalik projek ini.

"Yang saya faham, Konsortium SRS memang sudah panggil temuduga nelayan yang mohon menjadi jurumudi untuk mendapatkan lesen.

"Lima orang ditemuduga oleh Jabatan Laut, ada empat unit sahaja yang terlibat, iaitu Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul...peringkat pertama ini lima jurumudi ditemuduga," jelasnya.

Selepas beberapa kali sesi rundingan dengan Konsortium SRS, menurut Hadith, nelayan setempat turut meminta diberi keutamaan jika ada projek pemajuan perumahan kos rendah dan sederhana rendah di pulau-pulau buatan nanti.

"Masalah utama nelayan di sini antaranya mereka tidak tahu jumlah pampasan yang mereka layak dapat, serta apakah manfaat keuntungan dari segi aktiviti ekonomi serta peluang pekerjaan yang akan wujud di kawasan projek ini.

"Umumnya, nelayan setuju kerana mereka ada sumber pendapatan lain apabila kerja-kerja penambakan laut ini mula.

"Yang terjejas aktiviti nelayan, tapi pendapatan lain mungkin bertambah, sebab diganti dengan aktiviti ekonomi lain.

"Cuma, ada segelintir nelayan masih takut mereka tidak mendapat kadar pampasan yang setimpal jika bersetuju dengan pihak pemaju dan Kerajaan Negeri.

"Dengan adanya pejuang pekerjaan dalam projek ini nanti, nelayan akan ada sumber pendapatan tambahan, maka kita minta supaya mereka ini diberikan keutamaan untuk membeli rumah mampu milik seperti unit kos rendah atau kos sederhana rendah di sini juga," ujarnya yang juga Jurubicara Setempat seperti Mad Zin.

Hadith yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Teluk Kumbar berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang serta Konsortium SRS wajar membuktikan bahawa rakyat setempat paling banyak mendapat manfaat daripada projek ini kelak.

"Bukan sahaja peluang pekerjaan atau aktiviti ekonomi sahaja yang nelayan nak lihat, tetapi yang penting adalah bagaimana warga bandaran di sini boleh terus kekal duduk di rumah yang mereka mampu miliki, serta mampu hidup dalam arus pembangunan setempat selepas projek ini dilaksanakan kelak," katanya sambil menyatakan sokongan pada Kerajaan Negeri melaksanakan PIP demi menangani cabaran trafik sesak sehingga tahun 2050.



MENUNJUKKAN secara umum kawasan tampakan laut, yang sebenarnya langsung tidak menjejaskan kawasan pantai, rumah penduduk atau pondok nelayan di sekitar kawasan ini.

**INFO :**
**Hubungi Mad Zin Che Din di talian 019 – 409 0605 dan Hadith Sidek, 011 – 1246 1668 untuk mendapatkan informasi lanjut berwajib.**

# Ops bersepadu: 3 premis makanan diarah tutup

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Sebuah premis nasi kandar dekat Jalan Burmah di sini diberikan notis penutupan kedai oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) ekoran beroperasi dalam keadaan kotor.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ong Ah Teong berkata, premis tersebut adalah antara tiga premis makanan yang diperiksa tahap kebersihannya dalam operasi pemeriksaan bersepadu pada 1 Jun lalu.

"Kedai ini diarahkan tutup mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983 selama 14 hari kerana beroperasi dalam keadaan tidak bersih.

"Pengusaha diminta membersihkan kedai sebelum dibenarkan beroperasi dan berniaga semula.

"Pihak JKNPP akan melakukan pemeriksaan semula untuk memastikan keadaan premis benar-benar bersih serta lulus peraturan ditetapkan sebelum kebenaran beniaga diberikan semula," katanya yang juga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MBPP, Ahmad Azrizal Tahir dan Saiful Azwan Abd. Malik.

Operasi bersepadu tersebut melibatkan lapan anggota penguatkuasa dari Unit Industrial & Establishment Makanan MBPP dan enam Pegawai JKNPP.

Selain itu, sebanyak lapan notis kompaun turut dikeluarkan kepada dua premis makanan berasingan yang tidak mematuhi peraturan.

Mengulas lanjut, Ah Teong memberitahu, antara kesalahan yang dikenalpasti adalah tidak mendapatkan suntikan vaksinasi atau suntikan typoid (demam kepialu), tidak memasang perangkap serta membuang sisa makanan terus ke dalam parit, tidak mempunyai lesen dan beroperasi dalam keadaan kotor.

"JKNPP turut mengeluarkan satu notis kepada pengusaha kedai kopi di bawah Peraturan Premis Makanan, Seksyen 11 (1) C, akibat kesalahan tidak menjalankan suntikan dan menyediakan laporan suntikan, denda sebanyak RM1,000 dikenakan," jelasnya.

Sehubungan itu, Ah Teong menasihatkan pengusaha-pengusaha premis supaya menitikberatkan aspek kebersihan demi memastikan semua premis makanan di negeri ini menepati piawaian ditetapkan



**ONG Ah Teong menunjukkan uji kaji minuman teh bagi mengenalpasti sama ada bahan campuran pewarna tiruan digunakan dalam operasi bersepadu yang diadakan di sini baru-baru ini.**

## Sampah punca utama bencana banjir - Ahli Majlis

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PERAI –** Air laut pasang setinggi tiga meter melimpah di Sungai Perai mengakibatkan bencana banjir di Kampung Manis serta menjejaskan penempatan 12 keluarga setinggan di sini.

Mengulas lanjut, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel berkata, punca utama bencana adalah sampah-sarap di parit monsun yang mengakibatkan pintu air (*flash gate*) di sini tidak dapat berfungsi dengan baik ketika air laut pasang.

"JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) pada tahun 2014 sebenarnya telah membina *flash gate* serta ban banjir demi mengurangkan risiko bencana banjir di sini dan sejak 2014, kawasan pinggiran Sungai Perai tidak pernah dilanda banjir.

"Kawasan pinggiran Sungai Perai dilanda banjir baru-baru ini (5 Jun 2016) adalah disebabkan oleh pembuangan sampah-sarap di sungai tersebut," katanya kepada pemberita selepas melawat kawasan berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MPSP, M. Satees.

Susulan itu, David Marshel meminta JPS supaya segera membaik pulih *flash gate* serta mempertimbangkan pemajuan projek penarafan tebatan banjir di sepanjang Sungai Perai, demi mengurangkan lagi risiko banjir di sini kelak.

"Saya meminta JPS membersihkan kawasan ini serta segera membaiki *flash gate* dalam tempoh masa tiga hari.

"Untuk jangka masa panjang (bagi mengelakkan banjir berlaku), MPSP telah meminta peruntukan daripada JPS untuk membina 'ban banjir' di sepanjang kawasan pinggiran Sungai Pertai, yang menelan kos perbelanjaan berjuta-juta ringgit," jelasnya.



**P. David Marshel (depan) dan M. Satees menunjukkan aliran air yang mengalir dari Sungai Perai pada sesi lawatan baru-baru ini.**



**SAMPAH-sarap yang dipercayai menjadi punca bencana banjir di Kampung Manis di sini.**

## Hormati laluan pejalan kaki

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berharap mendapat kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi tujuan mengkaji penguatkuasaan penggunaan laluan pejalan kaki atau kaki lima oleh pengguna motosikal yang tidak bertanggungjawab.

Ahli Majlis MBPP, Chris Lee Chun Kit berkata, penguatkuasaan tersebut diharap mampu menghalang dan mengurangkan penyalahgunaannya pada masa hadapan.

"Saya percaya dengan kerjasama ini, para penunggang motosikal akan lebih berhemah dan berfikir sebelum menggunakan laluan pantas (kaki lima) yang pada dasarnya bagi kepentingan diri terutamanya untuk mengelak kesesakan lalu lintas serta lampu isyarat," katanya pada ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis di sini baru-baru ini.

Tambah Chun Kit, bagi pelaksanaan penambahbaikan infrastruktur trafik di bawah seliaan MBPP, Chun Kit memberitahu bahawa beberapa kajian semula telah dilakukan, antaranya memberi akses kepada pengguna berkerusi roda dan menghalang motosikal daripada menggunakan kaki lima di Persiaran Karpal Singh.

"Bahagian Penguatkuasaan Trafik MBPP telah dipertanggungjawabkan untuk mengkaji semula cara-cara penambahbaikan yang perlu.

"Malah, idea-idea lain turut akan diperhalusi demi meningkatkan mutu infrastruktur di bahagian pulau dari masa ke masa.

"Justeru, saya menggesa orang ramai terutamanya penunggang motosikal agar menghormati laluan pejalan kaki," seru beliau



**CHRIS Lee Chun Kit.**

# Papan tanda 'karikator monyet' positif, bakal diperluaskan




MAIMUNAH Mohd. Sharif (kanan sekali) diringi P. David Marshel (dua dari kanan), M. Satees (dua dari kiri) dan seorang pemimpin komuniti ketika mengadakan lawatan ke tapak pembuangan sampah haram sebelum ini di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA** – Pemasangan papan tanda kempen menyamakan mereka yang membuang sampah di merata-rata tempat dengan karikator monyet bakal diperluaskan ekoran pendekatan agresif tersebut meninggalkan kesan berantai positif.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif bagaimanapun berkata, pendekatan itu tidak akan digunakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan demi mengatasi isu penyalahgunaan parkir khas orang kurang upaya (OKU).

"Impaknya sangat positif, ada beberapa ahli majlis ingin menambah dan kita (MPSP) mengalu-alukan untuk penambahan bagi karikator yang baharu.

"Tapi, tak ada papan (karikator seumpama ini) untuk isu parkir OKU," jelasnya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Majlis Perhimpunan Korporat di Kompleks MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Pada sidang media berasingan, Ahli Majlis bagi MPSP, P. David Marshel memberitahu bahawa sebanyak 14 papan tanda berwajib telahpun dipasang di kawasan-kawasan pembuangan sampah haram.

Sungguhpun menerima kritikan banyak pihak, beliau memberitahu bahawa kesan positif dapat dilihat sekarang.

"Projek perintis pertama kita (MPSP) buat di Seberang Perai dan bagi kita (MPSP) telah berjaya yang mana tiada lagi sampah haram di sana," katanya diringi seorang lagi Ahli Majlis MPSP, M. Satees.

# MBPP rangkul dua anugerah TPO Best Awards 2016



PATAHIYAH Ismail menunjukkan plak Anugerah Best TPO Tourism Industry Leader Award 2016 yang dimenangi MBPP pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) merangkul dua hadiah utama di Anugerah TPO Best Award 2016 bersempena penganjuran *The 7th Tourism Promotion Organization for Asia Pacific Cities* (TPO) *Forum* di Jeonju, Korea, Jun lalu.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail ketika mengumumkan perkara tersebut berkata, anugerah yang dimenangi adalah berdasarkan kepada kecemerlangan MBPP semasa menganjurkan *The 5th TPO Forum* di sini (George Town) pada tahun 2012.

"Dua anugerah tersebut adalah anugerah kategori *TPO Tourism Industry Leader 2016* bagi penglibatan Majlis manakala, saya sendiri telah dipilih untuk menerima Anugerah *Best TPO Tourism Industry Leader Award 2016*, yang merupakan salah satu daripada anugerah *TPO Best Award 2016*," ujarnya pada majlis sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa MBPP yang berlangsung di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP, Mohamed Akbar Mustapha.

Sebagai rekod, tahun lalu (2015), MBPP turut memenangi anugerah serupa bagi kategori *Best TPO Web Site* untuk Taman Bandaraya semasa Mesyuarat Agung TPO yang berlangsung di Sanya, China.

Kini, TPO mempunyai keahlian dari 77 buah bandar di rantau Asia Pasifik termasuk negara China, Korea, Taipei, Russia, Jepun, Thailand, Vietnam, Filipina, Indonesia dan Malaysia.

# Rumput panjang di jalan persekutuan burukkan imej – Ahli Majlis



P. David Marshel (kanan sekali) bersama-sama Ahli-ahli Majlis MPSP lain menunjukkan rumput yang tumbuh panjang di Jalan Ipoh - Butterworth dekat Valdor pada sesi tinjauannya di sini baru-baru ini.

Gambar : **AHLI MAJLIS MPSP**

**BUKIT TAMBUN** – Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel baru-baru ini menggesa Kementerian Kerja Raya (KKR) supaya tidak lagi memberi projek kepada 'syarikat kroni' yang mempunyai rekod buruk dalam menyelenggara jalan-jalan persekutuan di negeri ini, khususnya di Seberang Perai.

"Jika jalan-jalan persekutuan di negeri ini tidak diselenggara dengan baik dan hanya jalan-jalan negeri diselenggara dengan baik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pengguna, pengunjung serta pelancong akan anggap ini semua kelemahan Kerajaan Negeri dan bukan disebabkan kegagalan 'syarikat kroni' yang dilantik oleh Kementerian Kerja Raya sendiri.

"Seperti di Jalan Ipoh - Butterworth dekat Valdor ini, rumput pada sebelah bahu jalan begitu tinggi, hampir tinggi dengan manusia, kerana 'syarikat kroni' dilantik (oleh Kementerian) gagal menyelenggara jalan ini dengan baik.

"Sepatutnya tak boleh tunggu sampai lebih dua bulan atau tiba terima aduan daripada JKR (Jabatan Kerja Raya) baru 'syarikat kroni' ini mahu tampil memangkas rumput-rumput yang begitu panjang di sini.

"Saya gesa Kementerian tidak lantik lagi 'syarikat kroni' yang mempunyai rekod buruk ini kerana rumput panjang di jalan-jalan persekutuan burukkan imej Pulau Pinang," gesanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Empat Ahli Majlis MPSP lain, Zulkifli Ibrahim, H'ng Mooi Lye, Heng Yeh Shiuan dan Dr. Amar Pritpal Abdullah turut sertai David Mashel membuat tinjauan di beberapa batang jalan raya yang diselenggara oleh Kerajaan Persekutuan.

Justeru, David Marshel menggesa Jabatan Kerja Raya (JKR) supaya membuat penyelarasan kerja-kerja memotong rumput di jalan-jalan persekutuan mengikut garis panduan MPSP, iaitu rumput mesti dipotong sekurang-kurangnya dalam tempoh 21 hari pada tiap-tiap bulan.

# Bituin Management FC juara futsal piala 'TKMI'

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AMANDA KHONG XIA LING**

**PANTAI JEREJAK –** Bituin Management FC muncul juara Pertandingan Futsal Kompleks Bukit Jambul (KBJ) Piala Dato' Haji Mohd. Rashid Hasnon, selepas menewaskan pasukan Cap Ayam Futsal 4-3.

Mohd. Rashid yang merupakan Timbalan Ketua Menteri I, menyempurnakan majlis penyampaian hadiah berupa piala, pingat serta wang tunai bernilai RM2,000 berkaitan.

Cap Ayam Futsal membawa pulang wang tunai RM1,500 beserta pingat.

"Kepada yang berjaya, tahniah diucapkan, kepada yang lain mungkin boleh cuba lagi pada tahun akan datang.

"Syabas juga kepada anak-anak muda atas komitmen yang anda tunjukkan demi kemajuan sukan di negeri Pulau Pinang," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Rashid memberitahu, hasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai 'negeri sukan' merupakan salah satu impian Kerajaan Negeri Pakatan Harapan hari ini.

"Justeru, komitmen semua, khususnya golongan muda dalam menjayakan kejohanan seumpama ini sekaligus menyumbang kepada impian Kerajaan Negeri," ujarnya.

Dalam kejohanan berkaitan, pasukan Last Minute FC yang berjaya menumpaskan Tomato United dengan pungutan mata 3-2 bagi merebut tempat ketiga membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000 serta pingat.

Muhammad Haziq Yusoff dari pasukan Bituin Management FC terpilih sebagai pemain terbaik kejohanan dan membawa pulang baucer bernilai RM200.




**MOHD. Rashid Hasnon (berkemeja putih) bergambar kenangan bersama-sama ahli-ahli pasukan Bituin Management FC pada penganjuran Pertandingan Futsal KBJ Piala Dato' Haji Mohd. Rashid Hasnon di sini baru-baru ini.**

# Tempatkan lebih ramai doktor pakar di kawasan luar bandar, seru ADUN



**SOON Lip Chee (kiri sekali) ketika mengadakan lawatan ke kediaman keluarga berkaitan di sini baru-baru ini.**

Gambar : **ADUN JAWI**

**JAWI –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berharap Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dapat menambah bilangan doktor pakar terutama di hospital kerajaan, klinik kerajaan atau pusat kesihatan di kawasan luar bandar.

Perkara itu disuarakan rentetan kesukaran keluarga bayi malang dari Kampung Bagan Buaya Changkat, Jawi mendapatkan rawatan bagi penyakit kulit kronik yang dihadapinya baru-baru ini.

"Keluarga ini terpaksa berulang alik sejauh 40 kilometer (km) setiap minggu dari rumah mereka ke Hospital Seberang Jaya ekoran Hospital Sungai Bakap tidak mempunyai doktor pakar.

"Bukan keluarga bayi berkaitan sahaja, malah kebanyakan pesakit yang memerlukan rawatan doktor pakar hanya mempunyai pilihan sama ada ke Hospital Seberang Jaya ataupun Hospital Pulau Pinang yang terletak di sebelah bahagian pulau (negeri Pulau Pinang).

"Situasi ini amat membebankan termasuk dari segi kos dan masa khususnya kepada mereka yang kurang berkemampuan. Malah, bagi yang menetap di kawasan luar bandar, mereka terpaksa berulang alik saban minggu hanya untuk mendapatkan rawatan doktor pakar.

"Sebab itu, perlunya pihak Kementerian (KKM) menyediakan serta menempatkan doktor-doktor pakar di kawasan luar bandar dan bukannya hanya tertumpu di kawasan bandar sahaja," katanya kepada pemberita ketika mengadakan lawatan terhadap keluarga bayi berkaitan di sini.

Bayi tersebut menderita sakit kulit yang kronik dipercayai akibat alergik terhadap ubat salap yang disapu bagi mengurangkan radang demam campak.

Menurut ibu bayi berkenaan, anaknya sebelum ini mendapatkan rawatan demam campak dari sebuah klinik kerajaan.

"Sejurus menggunakan ubat tersebut, badan anak saya menjadi merah dan bintik-bintik di bahagian badan mula pecah seperti melecur," ujarnya.

Bersempena lawatan tersebut, Lip Chee menghulurkan bantuan kewangan kepada keluarga berkaitan bagi meringankan bebanan yang ditanggung mereka.



**SEBAHAGIAN ahli jawatankuasa COMBI mengedarkan mymat di Blok 4 Flat Seri Delima di sini baru-baru ini.**

# COMBI edar 484 mymat percuma di Sungai Ara

**BATU MAUNG –** Skuad Komunikasi Untuk Perubahan Tingkahlaku (COMBI) Flat Seri Delima, Sungai Ara baru-baru ini mengedarkan 484 unit perangkap nyamuk mymat secara percuma kepada komuniti setempat demi mencegah penularan wabak denggi serta virus zika di sini.

Ketuanya, Adnan Mat Noor memberitahu, projek perintis yang dilaksanakan selama enam bulan mulai Jun ini seakan mendapat sambutan menggalakkan daripada komuniti setempat.

"Flat ini merupakan salah satu daripada tiga lokasi yang dipilih oleh Kerajaan Negeri sebagai projek perintis bagi mengkaji keberkesanan peranti mymat.

"Dua kawasan lain adalah (di Taman Seri Damai) dekat Batu Lanchang dan (di Gerbang Tuna, Lorong Tuna dan Rumah Pangsa Kerajaan Negeri) dekat Seberang Jaya," ujarnya ketika mengedarkan mymat di Blok 4 Flat Seri Delima di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa & Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu, Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan sebanyak RM188,000 untuk membeli serta mengedar 4,700 unit mymat di ketiga-tiga kawasan yang sebelum ini pernah diklasifikasikan sebagai lokaliti wabak.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya berkata, projek perintis yang buat julung kalinya dilaksana oleh Kerajaan Negeri itu membabitkan partisipasi langsung daripada COMBI, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), pihak berkuasa tempatan (PBT), beberapa Jawatankuasa Kariah Masjid serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Tambah Afif, edaran mymat akan diperluas ke seluruh negeri ini, jika projek perintis berkenaan menerima partisipasi menggalakkan daripada semua pihak serta berjaya kelak.

# Amalkan gaya hidup sihat, elak penyakit - Rashid

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AMANDA KHONG XIA LING**

**PANTAI JEREJAK –** Orang ramai dinasihatkan supaya mengamalkan gaya hidup sihat sebagai rutin harian bagi mencegah pelbagai jenis penyakit kronik termasuk obesiti.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata demikian ketika hadir merasmikan Karnival Harmoni di Taman Seri Nibong di sini baru-baru ini.

Menurutnya, Malaysia kini merupakan antara negara di dunia yang mempunyai penduduk yang obes atau gemuk.

"Setiap daripada kita perlu mempromosikan gaya hidup sihat bagi mengekalkan tahap kesihatan yang baik dan ini adalah mustahak kerana obesiti selalunya berhubung kait dengan pengambilan makanan yang berlebihan dan tidak melakukan aktiviti fizikal.

"Apatah lagi Malaysia atau di Pulau Pinang yang mewah dengan makanan, pastinya menjadi satu cabaran bagi melahirkan sebuah masyarakat yang sihat dan aktif," katanya pada majlis berkaitan.

Menurut Mohd. Rashid, golongan kanak-kanak harus diberi perhatian memandangkan gaya pemakanan selalunya diwarisi.

"Saya percaya obestiti dapat dibendung sekiranya ibu bapa memainkan peranan mengajar anak-anak mereka mengenai gaya pemakanan yang seimbang dan sihat serta mementingkan aspek kesihatan.

"Oleh itu, ambil kesempatan, ajak keluarga anda, anak-anak anda untuk menyertai program-program sebegini sebagai permulaan ke arah gaya hidup sihat," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Pada majlis berkaitan, Mohd. Rashid turut melepaskan kira-kira 90 peserta berbasikal yang melakukan kayuhan membabitkan jarak sejauh 18 kilometer (km).

Selain berbasikal, turut diadakan adalah acara senamrobik, sukaneka, pertandingan mewarna, persembahan Silat Cekak dan Akido dan pendaftaran program-program kebajikan Kerajaan Negeri.



**MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kiri) bergambar kenangan dengan para peserta berbasikal pada penganjuran Karnival Harmoni Rakyat di sini baru-baru ini.**




**YEOH Soon Hin (barisan belakang, tiga dari kiri), Ramkarpal Singh (barisan belakang, dua dari kiri), Syerleena Abdul Rashid (barisan belakang, dua dari kanan) dan D.R. Kala (barisan belakang, kanan sekali) menunjukkan tanda bagus selepas menyempurnakan gimik pelancaran penganjuran Aktiviti Barter dan Pertandingan Mereka Pakaian Kitar Semula di sini baru-baru ini.**

# Kitar semula perlu dididik sejak kecil - ADUN

**PAYA TERUBONG –** Ibu bapa memainkan peranan penting dalam memberi didikan awal kepada anak-anak supaya gemar melaksanakan kitar semula.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong Yeoh Soon Hin, dalam menyemai sikap sukakan aktiviti kitar semula, ibu bapa perlu memainkan peranan masing-masing.

"Melalui didikan awal ini, anak-anak akan faham keperluan mengitar semula termasuk mendidik mereka mengamalkannya di rumah, sedikit demi sedikit, anak-anak akan mula faham akan kepentingan inisiatif kitar semula ini.

"Atas pendekatan inilah, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Paya Terubong mengadakan Program Aktiviti Barter dan Pertandingan Mereka Pakaian Kitar Semula untuk menyemai minat kanak-kanak terhadap aktiviti berkaitan," katanya kepada pada majlis penganjuran Aktiviti Barter dan Pertandingan Mereka Pakaian Kitar Semula di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh, Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid dan D.R. Kala.

Tambah Soon Hin, sejajar dengan inisiatif Kerajaan Negeri yang melancarkan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bermula 1 Jun lalu, program tersebut juga menjadikan agenda penting dalam menghebahkannya kepada umum, khususnya penduduk di sini.

Program sehari itu, sarat dengan pelbagai aktiviti termasuk pertukaran barang antara penduduk (sistem barter), mereka cipta menggunakan bahan-bahan kitar semula dan persembahan kanak-kanak.

# Jamuan durian sebagai penghargaan kepada pengamal media



**CHOW Kon Yeow (meja depan, tengah) bersama-sama pasukan media Buletin Mutiara pada Majlis Jamuan Makan Durian Bersama-sama Media di sini baru-baru ini.**

**PENANGAN RAJA BUAH...** Pelbagai gelagat dapat dilihat pada wajah para pengamal media yang hadir pada Jamuan Makan Durian Bersama-sama Media anjuran Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow baru-baru ini.

Rata-rata pengamal media yang hadir mengakui mereka seronok dapat menikmati 'Raja Buah', durian.

Selain durian, turut disajikan adalah buah rambutan, air buah pala dan air nira kelapa.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota berkata, program yang dijadikan program tahunan itu bukan sahaja mampu mewujudkan silaturahim antara Kerajaan Negeri dan pengamal media, tetapi juga sebagai menghargai peranan media.

Sejumlah 1,000 biji buah durian disajikan pada majlis berkenaan.

# Tech Dome P. Pinang galak pelajar teroka dunia sains, teknologi

**MULAI** 16 Julai 2016, Tech Dome Pulau Pinang (PTD) di Tingkat 5, Komtar yang menelan belanja RM28 juta, termasuk RM5.15 juta modal pemula daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang siap dibuka untuk semua pengunjung tempatan dan pelancong asing.

PTD adalah hasil pengalaman merantau Pengarah merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Pusat Teknologi Pulau Pinang, Datuk Wong Siew Hai ke Tech Centre San Jose pada tahun 2007, ketika berlangsungnya pameran *SEMICON West Conference* di sana.

"Dari situ, saya terfikir kenapa tidak di Pulau Pinang sebagai *'Silicon Valley'* mempunyai pusat teknologinya tersendiri, maka, saya fikir kita (Pulau Pinang) perlu ada satu (PTD)," katanya ketika diwawancara wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan Jurugambar, **LAW SUUN TING** di Pejabat PTD dekat Komtar baru-baru ini.

Siew Hai lebih tiga dekad berkecimpung dalam sektor industri pembuatan serta pernah menjadi naib presiden syarikat perisian Intel.

Beliau berkata, penerokaan sains dan teknologi di sekolah kebelakangan ini seakan menguncup dan kondisi sebegini boleh melemahkan keupayaan Malaysia dalam memenuhi pasaran ekonomi serta permintaan tenaga mahir yang kian kompetitif.



**WONG Siew Hai.**

"Saya terkejut apabila mendapat tahu bahawa pelajar dalam bidang sains yang dahulunya kira-kira 60 peratus pada 20 tahun lalu, kini telah turun menjadi 21 peratus sahaja.

"Ini agak menakutkan kerana kita mempunyai kerajaan yang menggalakkan kita menceburi bidang teknologi tinggi dan meningkat rantaian nilai dengan terjun dalam industri peranti perubatan, aeroangkasa dan bukan semikonduktor sahaja.

"Dengan kurangnya pelajar mengikuti pengajian dalam bidang sains, di mana kita akan mendapat ahli-ahli sains dan jurutera kita?

"Semua ini mencetuskan usaha kami ke arah merealisasikan penubuhan Tech Dome Pulau Pinang (PTD), dengan kerjasama sektor korporat dan sokongan daripada Kerajaan Negeri," ujar Siew Hai.

Pada sesi temubual sama, Ketua Pegawai Eksekutif PTD, Dr. Khong Yoon Long berkata, PTD akan menawarkan pengalaman lebih interaktif kepada pelajar yang umumnya berpeluang melakukan dua atau tiga kali sahaja eksperimen di makmal sains sekolah dalam tempoh setahun.

Mengulas lanjut, Siew Hai memberitahu, pengunjung yang berkunjung ke PTD sekaligus akan membawa mereka saling berinteraksi dengan ilmu serta idea-idea baharu dalam bidang sains secara realiti, bukan lagi teorikal.

Kunjungan wartawan akhbar Buletin Mutiara baru-baru ini berpeluang melalui pengalaman menarik di kesemua enam galeri dengan pelbagai tema sains di dewan PTD di sini.

Galeri-galeri yang dimaksudkan adalah *Optics*, *Computing (Information Technology)*, *Forces & Motion*, *Life Tech*, *Electromagnetism and Robotics*.

Lebih dari itu, terdapat balai cerap *(Observatory)* sendiri dengan teleskop *"state-of-the-art"* yang terbesar di Pulau Pinang.

"Teleskop ini membolehkan pihak-pihak sekolah yang tidak mempunyai kelengkapan (ini) mereka sendiri untuk tujuan pendedahan kepada para pelaajar dalam bidang astronomi," jelasnya.

Selain itu, di sini juga terdapat *'Children Discovery Centre'* yang akan menggalakkan kanak-kanak belajar dalam bilik darjah ala makmal sains yang sebenar.

"Mereka (kanak-kanak) boleh mengikuti kursus atau 'kem sains' yang mereka minati, yang lazimnya hanya dianjurkan di luar negara," ujarnya.

Kata Siew Hai, salah satu sudut pameran yang disediakan di sini adalah *'CSI Digital'*, yang dibangunkan oleh anak Malaysia berpangkalan di United Kingdom.

"Dengan menggunakan sistem yang dikenali sebagai *'Magnetic Resonance Imaging'* (MRI), ia membolehkan pengunjung secara digital memotong bahagian badan lain untuk meneroka bidang anatomi," jelasnya.

Salah seorang wartawan akhbar Buletin Mutiara turut mencuri peluang berinteraksi dengan *'The Gyro'*, iaitu peranti latihan yang biasa digunakan oleh angkasawan sebelum melancong ke bulan.

*'The Gyro'* ini akan mencabar keupayaan pengunjung dalam mengimbangi serta menggerakkan badan pada kondisi seakan anti graviti.

Yong Long dalam pada itu turut menunjukkan kaedah berinteraksi dengan *'Climb Speed'*, iaitu peranti yang bakal menguji ketahanan fizikal pengunjung, lengkap dengan ciri-ciri keselamatan yang berteknologi sains tinggi.

Pengunjung ke PTD pasti tidak akan kecewa, kerana harga tiket yang ditawarkan adalah cukup berpatutan.

Untuk individu, harga tiket pada kadar antara RM12 hingga RM40, manakala kadaran RM55 atau RM110 untuk tiket empat sekeluarga berstatus kewarganegaraan.



**KANAK-kanak saling berinteraksi dengan dunia sains dan teknologi di Galeri Children Discovery Centre.**



**SEMACAM angkasawan merasai dunia anti graviti, apabila berinteraksi dengan *'The Gyro'*.**





**ANTARA yang menarik bagi pengunjung yang berminat untuk berinteraksi dalam bidang anatomi atau bedah siasat tubuh manusia di sudut *'Digital CSI'*.**





**Inilah *'Climb Speed'* yang akan menguji ketahanan fizikal pengunjung.**